

**Jilid III
Bil. 23**



**Hari Selasa
22hb Disember, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2589]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) [Ruangan 2622]

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO’ HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” Tuan Abdullah bin Salleh (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- ” DATO CHIN KIM YOONG (Perak).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).
- ” DATO’ HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik)
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 22hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

| | <i>Negeri</i> | <i>Hutang (\$juta)</i> |
|-------------------|---------------|------------------------|
| Selangor | | 416.1 |
| Trengganu | | 202.7 |
| | | \$2,494.1 juta |

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**HUTANG KERAJAAN NEGERI
KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN**

1. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang tiap-tiap Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat pada masa ini; dan
- (b) sebab-sebab hutang ini tidak dapat dijelaskan dan nyatakan juga tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat terhadap negeri-negeri berkenaan selain dari menghapuskan hutang itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada 31-12-1980 ialah \$2,494.1 juta yang terbahagi seperti berikut:

| <i>Negeri</i> | <i>Hutang (\$ juta)</i> |
|-------------------------|-------------------------|
| Johor | 320.9 |
| Kedah | 175.4 |
| Kelantan | 261.2 |
| Melaka | 88.3 |
| Negeri Sembilan | 143.3 |
| Pahang | 122.6 |
| Pulau Pinang | 176.0 |
| Perak | 175.9 |
| Perlis | 69.3 |
| Sabah | 117.7 |
| Sarawak | 224.7 |

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada amnya Kerajaan-kerajaan Negeri adalah membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah mereka perolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, saya sedar bahawa ada beberapa kelewatan dalam bayaran balik tersebut dan dalam hal ini Kerajaan Persekutuan adalah sedang mengkaji sebab-sebab mengapa kelewatan itu berlaku. Kelewatan itu mungkin disebabkan oleh beberapa masalah kewangan yang dihadapi oleh projek-projek yang menerima pinjaman Kerajaan Persekutuan. Sekiranya ini benar maka Kerajaan Persekutuan boleh menimbang untuk menjadualkan tempoh-tempoh bayaran balik atas pinjaman-pinjaman berkenaan ataupun meminta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membuat bayaran balik itu dari punca-punca kewangan lain. Dalam keadaan tertentu Kerajaan Persekutuan boleh juga menimbang untuk membuat hapuskira atas pinjaman-pinjaman yang dianggap tidak dapat dipungut lagi. Bagaimanapun, saya ingin juga menyatakan bahawa setakat ini Kerajaan Persekutuan belum lagi ada membuat apa-apa hapuskira atas mana-mana pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Buku yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, Penyata Kewangan 1979 ada sebut beberapa

perkara yang saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan.

Yang pertamanya dikatakan di sini bahawa pinjaman-pinjaman yang dibuat kepada Kerajaan Negeri is not recorded in the statement of assets and liabilities. Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebabnya pinjaman kepada Kerajaan Negeri tidak dicatatkan sebagai asset Kerajaan Persekutuan?

Yang kedua, daripada sini juga disebut bahawa pinjaman-pinjaman ini adalah separuh dimasukkan kepada loan charged to revenue. Pada pendapat saya, bila pinjaman dimansuhkan kepada hasil negara, dia bukan lagi menjadi pinjaman.

Di sini juga menyatakan separuh daripada pinjaman ini discharged to development fund. Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah hutang-hutang kepada Kerajaan Negeri ini dibelah bahagi, satu dichargekan kepada revenue, satu dichargekan kepada development fund.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di sini pinjaman-pinjaman ini berkadar daripada zero peratus—ada yang 2 peratus, ada yang 3 peratus sampai kepada 9 peratus. Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang ketiga ini mengapakah kadar-kadar faedah ini dibeza-bezakan di antara satu sama lain, daripada satu perkara pinjaman dan daripada satu negeri ke satu negeri dengan kadar yang lain.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah luar dari soalan ini.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyebutkan tadi ada juga hutang-hutang Kerajaan Negeri ini boleh dihapuskan. Saya hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tolong beri formula di sini hutang yang macam mana Negeri itu boleh minta kepada Pusat supaya hutang itu boleh dapat dihapuskan. Ini soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, jika sekiranya Negeri itu tidak dapat membayar hutangnya ada atau tidak Kerajaan berfikir hendak mengambil tindakan mahkamah kepada Negeri yang tersebut?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi setakat ini belumlah ada apa-apa hapuskira atas mana-mana pinjaman kepada mana-mana Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, jika didapati kemampuan sesuatu projek yang dibiayai itu tidak memuaskan pihak Kerajaan Persekutuan akan menyuruh pihak Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula kedudukan sesuatu projek ini.

Jawapan untuk soalan yang kedua tidak timbul. Setakat ini belum ada apa-apa hapuskira.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan soalan saya. Betul sampai sekarang belum ada diambil, tetapi adakah Kerajaan bercadang kalau sekiranya Kerajaan Negeri itu tidak boleh membayar—ini soalan saya—bolehkah Kerajaan Persekutuan membawa ke mahkamah atau tidak?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi masalah ini belum timbul lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya tadi nampaknya sudah berjawab, semua negeri berhutang belaka. Yang banyak sekali Selangor \$416.1 juta, yang kedua banyak Johor \$320 juta—tempat Yang Berhormat bercakap itu; yang ketiga, Kelantan \$261 juta. Tidak payah saya cakap lagi, saya hendak sebut tiga negeri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Menteri Kewangan ataupun Kementerian Kewangan memberi pinjaman kepada negeri ini mengikut per kapita ataupun mengikut kemudahan-kemudahan hasil mahsul negeri itu yang mudah membayar ataupun mengikut apa sahaja projek yang diminta. Sebab saya bertanya begitu, negeri Perak tersangat sedikit mendapat bantuan pinjaman. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

memberitahu saya pinjaman ini didasarkan kepada ramai pendudukah ataupun Kerajaan Pusat puas hati negeri itu boleh membayar sebab hasil mahsulnya cukup atau bagaimana?

Yang keduanya, negeri yang banyak berhutang ini apa sebab lambat membayar hingga \$416 juta, hingga \$320 juta, \$261 juta. Apa sebab agaknya?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, asas yang digunakan oleh pihak Kerajaan dalam pemberian pinjaman yang tersebut adalah berdasarkan kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (i) viability sesuatu projek;
- (ii) keperluan dan kedudukan kewangan sesuatu negeri;
- (iii) jenis-jenis projek keutamaan iaitu projek-projek sosial dan sebagainya;
- (iv) kepentingan sesuatu projek kepada negeri supaya kadar pertumbuhannya adalah selaras dengan matlamat-matlamat Kerajaan pada keseluruhannya.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan soalan saya itu luar daripada soalan asal, walhal soalan saya itu berkenaan dengan pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Saya minta keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada soalan saya itu di luar daripada soalan asal ataupun tidak?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu minta mengapa tidak masuk report, itu saya minta notislah. Yang lain tidak berkaitan.

RAWATAN SAKIT JANTUNG

2. Tuan M. Muthu Palaniappan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi bantuan kepada kanak-kanak yang mengidap penyakit jantung untuk mendapatkan rawatan perubatan di luar negeri sementara menunggu unit khas untuk rawatan sakit jantung ditubuhkan di negeri kita.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kesihatan telah menghantar satu pasukan khas ke Australia untuk menjalani latihan dalam bidang pembedahan jantung. Rombongan ini dijangka akan balik pada awal tahun 1982. Buat sementara ini Kementerian jua sedang giat melengkapkan pusat jantung di Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Oleh hal yang demikian, Kementerian menumpukan tenaga dan peruntukan kepada penubuhan pusat jantung ini yang akan membawa manfaat kepada lebih ramai pesakit-pesakit jantung. Kementerian mengharap bahawa kebanyakan dari pesakit-pesakit ini tidak perlu lagi mendapatkan rawatan di luar negeri apabila pusat ini tertubuh kelak.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya membuat soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri sedar keadaan wad jantung di Hospital Besar Kuala Lumpur ini amat menyedihkan, terpaksa dia menggunakan alat yang pinjam meminjam dari Jabatan-jabatan lain? Dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bilik pakar rawatan yang kita hormati itu tidak lebih daripada sebuah bilik yang seakan-akan dengan stor, di situ juga tempat kedua doktor jantung itu lagi. Jadi, saya minta satu kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, adakah bila ditubuhkan wad khas jantung di General Hospital Kuala Lumpur meliputi setempat, satu building dengan ditambah pula peruntukan dan juga lain-lain kemudahan sebab saya dengar pakar jantung kita juga akan ke luar kerana dia sudah ditawarkan dengan bayaran yang lumayan oleh sebuah swasta perubatan di Pulau Pinang?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti soalan tentang apakah pusat yang kurang mengadakan kelengkapan oleh kerana terdapat di General Hospital Kuala Lumpur sekarang ini satu wad yang dipanggil dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Intensive Care Unit (ICU) di mana dilengkapi dengan peralatan yang moden sekali. Tetapi untuk penubuhan unit

jantung yang baru ini kita akan melengkapkan empat bilik lagi supaya mengadakan peralatan untuk pesakit-pesakit yang telah menjalani pembedahan jantung dan kita sedang membeli peralatan untuk unit ini.

Tuan Abdullah bin Salleh: Soalan tambahan. Jika seseorang kanak-kanak yang mengidap sakit jantung yang mana ibubapanya benar-benar miskin dan tidak mampu membelanja rawatan anaknya dan tidak pula mendapat bantuan daripada orang ramai pada hal kanak-kanak itu jika dapat diberi rawatan maka penyakitnya itu dipercayai akan sembuh. Jika Kerajaan membiarkan kanak-kanak itu dengan tidak memberi bantuan rawatan kanak-kanak itu akan mati. Ini tidakkah bermakna bahawa Kerajaan telah menzalimkan kanak-kanak itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengadakan satu priority. Dalam keadaan sekarang ini banyak juga kanak-kanak yang kurang zat makanan, yang mengidap berbagai penyakit, bukan sahaja penyakit jantung. Jikalau kita tumpukan kepada kanak-kanak yang ada berpenyakit jantung kita jangan lupa pesakit-pesakit dalam negara ini yang menghadapi lain-lain penyakit dan kita ada peruntukan yang terhad untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada pesakit-pesakit, tidak kira penyakit jantung atau tidak. Inilah priority ataupun dasar Kementerian. Ini tidak bermakna bahawa Kementerian Kesihatan tidak mengambil berat tentang kes kanak-kanak ataupun orang dewasa yang mengidap penyakit jantung. Jikalau ada kes-kes yang tertentu boleh dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan dan kita bolehlah mendapatkan bantuan daripada badan-badan sukarela yang ada kemampuan untuk memberi bantuan di mana akan ditimbang dengan sewajarnya.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang hendak saya kemukakan telah dikemukakan oleh saudara-saudara saya tadi, maka sebagai soalan tambahan satu lagi, apakah jenis bantuan Kerajaan dalam perkara berubat penyakit jantung di luar negeri. Adakah

Kerajaan membantu kesemua perbelanjaan atau bagaimana?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan membantu sepenuhnya kakitangan Kerajaan yang disahkan mengidap penyakit jantung di mana mereka tidak boleh mendapat rawatan di dalam negara ini. Di dalam kes-kes seperti ini Kerajaan menanggung perbelanjaan semuanya supaya pesakit itu boleh dapat rawatan di luar negeri.

COMMONWEALTH—FAEDAH MENJADI ANGGOTA

3. **Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud** minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah-faedah untuk menjadi anggota dalam Commonwealth dan sama ada keanggotaan itu memerlukan apa-apa tanggungan kepada negara, seperti bayaran tahunan, ikatan kepada apa-apa keputusan persidangan dan lain-lain.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Kita memang mendapat faedah tertentu daripada pertubuhan Komanwel. Sebagai contohnya ialah peluang berkongsi pengalaman yang mempunyai persamaan di kalangan negara-negara ahli dan sikap saling bantu-membantu ini boleh mengukuhkan lagi hubungan antara negara-negara ahli dan masyarakatnya. Faedah dan manfaat ini juga dapat dilihat dalam bentuk kemampuan negara-negara ahli berhubung sama sendiri dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah bersama.

Selain daripada itu pertubuhan tersebut juga mempunyai beberapa rancangan bantuan teknikal yang dibiayai oleh Tabung Komanwel. Negara-negara ini menerima teknikal dan pakar-pakar dalam bidang-bidang seperti perubatan, pertanian, perindustrian, pemasaran eksport, pelajaran dan kursus-kursus latihan dalam bidang pengawalan narkotik, pengurusan pelabuhan, pertukaran perangkaan dan lain-lain lagi.

Setakat ini Malaysia telah menerima bantuan dalam bidang tersebut berjumlah

\$5.34 juta. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri potensi Komanwel ini telah tidak dipergunakan sepenuhnya dalam usaha-usaha mencapai satu kerjasama yang benar-benar berfaedah di kalangan masyarakat Komanwel sendiri. Dalam perkara ini apa yang ingin kita lihat ialah supaya negara-negara ahli yang maju dapat memberi sumbangan ke arah membantu mengurangkan masalah-masalah dan rintangan-rintangan yang dihadapi oleh negara-negara ahli yang sedang membangun. Sebagai contoh mereka boleh membantu memberi peluang-peluang pemasaran yang lebih besar kepada barang-barang keluaran negara ahli yang sedang membangun supaya mewujudkan satu aliran perdagangan yang lebih luas dan bebas. Dengan ini akan meningkatkan lagi pembangunan ekonomi untuk jangka panjang bagi semua negara-negara ahli.

Semua ahli Komanwel memberikan sumbangan masing-masing dan sumbangan Malaysia berjumlah \$190,856 setahun kepada Sekretariat Komanwel. Selain daripada itu Malaysia juga menyumbangkan sebanyak \$211,790 setahun pada Tabung Kerjasama Teknikal tahun 1980 dan tahun 1981. Bagi Rancangan Belia Komanwel pula, kita telah menyumbangkan sebanyak \$63,570 bagi tahun 1980 dan 1981.

Berkaitan dengan keputusan-keputusan yang diambil di mesyuarat-mesyuarat Komanwel biasanya keputusan-keputusan itu diambil secara consensus iaitu tanpa sebarang pengundian. Dalam hal ini semua negara-negara ahli termasuk Malaysia berpeluang menyuarakan pendapat dan pandangan masing-masing atas satu-satu isu yang dibincangkan itu. Oleh itu, Malaysia adalah menyokong keputusan-keputusan Komanwel di mana kita telah berpeluang mengambil bahagian di dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan dan telah turut serta membantu membentuk keputusan-keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azlan Kinjawan.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soal No.4.

GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI SABAH

4. **Tuan Haji Latip bin Haji Dris** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai guru-guru di sekolah rendah di Sabah yang berkelulusan SRP dan yang telah lama dilantik sebagai guru besar masih lagi dalam kategori B1 dan sama ada benar bahawa mereka ini akan diturunkan menjadi guru penolong dan tempat mereka akan diisi oleh guru-guru dalam kategori C2 dan sama ada guru-guru yang berpengalaman ini boleh dinaikkan sahaja ke kategori C2 supaya mereka akan meneruskan tugas mereka sebagai guru besar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, mengikut prinsip-prinsip perkhidmatan guru-guru Kategori D tidak boleh dinaikkan pangkat ke Kategori C2 atas sebab kenaikan pangkat itu adalah dari satu gred ke satu gred yang lebih tinggi dalam skim yang sama. Walau bagaimanapun, guru-guru Kategori D1 bolehlah dipertimbangkan untuk perlantikan ke Kategori C2 dengan syarat mereka memenuhi kelayakan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan Kategori C2. Adalah menjadi hasrat dan dasar Kementerian Pelajaran untuk memenuhi jawatan-jawatan guru besar dan juga penolong kanan sekolah rendah dengan pegawai-pegawai dalam Kategori C2. Akan tetapi memandangkan negeri Sabah kekurangan guru-guru dalam Kategori C2 untuk dilantik sebagai guru besar, Kementerian saya telahpun menerima penempatan guru-guru Kategori B1 sebagai guru besar untuk sementara waktu sahaja, sehinggalah seorang guru Kategori C2 yang berkelayakan ditempatkan ke jawatan itu secara hakiki.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah dengan sikap menukar daripada guru besar kepada guru penolong itu menjatuhkan moral guru tersebut yang mana seolah-olah guru besar itu tidak berkelayakan. Kalau ya, kenapa berlaku, kalau tidak, kenapakah ditukar mereka.

Kedua, tidakkah ada cadangan supaya guru-guru besar ini diberi peluang menambahkan pelajarannya agar kedudukannya sebagai guru besar itu tidak tercabar.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soal yang asal ialah berhubung dengan guru-guru besar yang menyandang jawatan Kategori B1 memegang jawatan guru besar dan saya telah memberi jawapan bahawa di negeri Sabah keadaan yang sedemikian di mana guru B1 menjadi guru besar adalah untuk sementara waktu sahaja. Jadi, soalan Yang Berhormat itu adalah di luar daripada Sabah, saya minta maaf, saya tidak dapat menjawabnya kerana itu adalah luar daripada soalan asal.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Guru-guru Besar kategori B1 dilantik menjadi Guru Besar atau pemangku Guru Besar dengan sebab ketiadaan guru yang berkelayakan dalam C2, terutama di Sabah dan lain-lain negeri dalam Malaysia ini. Adakah pada masa pemangkuannya itu diberi satu elaun yang tetap, elaun Guru Besar umpamanya patut diterima oleh guru-guru C2 kerana pangkuannya sebagai Guru Besar dalam sekolah.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mereka diberi elaun menyandang jawatan Guru Besar yang sebenarnya patut dipegang oleh seorang guru C2.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat mengatakan ini soalan luar daripada Sabah saya menyoalnya kerana saya membaca soal asalnya bersabit dengan Guru Besar dan perkara ini sungguh banyak dilakukan selain daripada negeri Sabah, maka saya membuat soalan demikian supaya pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian. Tidakkah ada cadangan kalau berlaku lain daripada negeri Sabah perkara yang demikian untuk menukarkan guru-guru ini kedudukan mereka mengambil peluang menambah pelajaran sebagai Guru Besar?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf bukan saya tak mahu menjawab tetapi kalau Yang Berhormat sudi mengemukakan soal asal, insya Allah saya akan jawab soal ini.

BUKU "SOAL JAWAB UGAMA"— LARANGAN

5. **Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa berikutan daripada tindakan Kementerian untuk menegah murid-murid sekolah dari membaca buku agama "Soal Jawab Uagama" oleh A. Hassan sama ada beliau sedar bahawa banyak lagi buku agama yang mengelirukan dan sama ada beliau akan mengambil tindakan supaya buku-buku seperti ini tidak sampai ke tangan murid-murid sekolah.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang adanya sebahagian kecil buku-buku agama yang isi kandungannya mengelirukan, terutama sekali kepada pelajar-pelajar yang masih muda. Bagi memastikan buku-buku tersebut tidak sampai ke tangan pelajar-pelajar maka buku-buku agama di perpustakaan sekolah mestilah dibeli dari senarai yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara agama termasuklah buku-buku agama yang mengelirukan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri perkara agama ini adalah di bawah kekuasaan Kerajaan Negeri. Sekarang ini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, buku "Soal Jawab Uagama" yang dikeluarkan oleh A. Hassan ataupun Hassan Bandung, buku ini tidak bermazhab dan sebagaimana pihak Kementerian ketahui banyak negeri-negeri di dalam Malaysia ini mengasaskan pegangan feqah ini memakai mazhab. Jadi buku-buku yang tidak ada mazhab ini, buku-buku yang bebas terkeluar

daripada mazhab 4—Mazhab Syafii, Maliki, Hambali dan Hanafi. Adakah pihak Kementerian kerana meraikan negeri-negeri yang memakai mazhab itu maka pihak Kementerian akan melarang atau menghalang buku-buku ini daripada digunakan di perpustakaan sekolah-sekolah, khasnya kepada negeri-negeri yang memakai mazhab ini ataupun pihak Kementerian bebas dengan sebab Kementerian tidak tertakluk kepada negeri maka oleh kerana dia ada mempunyai Dasar Pelajaran yang bebas maka dia tidak terikat dengan negeri-negeri yang memakai mazhab itu, maka dia boleh membebaskan buku-buku itu digunakan di dalam perpustakaan sekolah-sekolah dengan tidak berdasarkan mazhab.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soal yang utama yang diberi keutamaan oleh Kementerian Pelajaran ialah sama ada isi kandungan satu-satu buku itu mengelirukan kepada pelajar-pelajar yang masih muda. Mungkin buku-buku tersebut tidak mengelirukan orang-orang dewasa tetapi Kementerian Pelajaran memikirkan untuk mengelakkan pelajar-pelajar muda terpesong maka itulah sebabnya Bahagian Uqama, Kementerian Pelajaran memberi perhatian yang seberat-beratnya kepada buku-buku yang mana pada pendapat Kementerian Pelajaran isi kandungannya mengelirukan, terutamanya pelajar-pelajar yang muda yang belum lagi faham dan fasih dan belum lagi mendalam pengetahuannya dalam selok-belok agama.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Maksud saya tadi nampaknya belum berjawab. Bukan maksudnya mengelirukan tetapi yang saya maksudkan di dalam mempelajari hukum-hukum agama ada pada masa sekarang ini orang memakai mazhab—mazhab 4, ada orang tidak memakai mazhab. Begitu juga negeri-negeri, ada negeri yang memakai mazhab, seumpama saya katalah negeri Trengganu. Negeri Trengganu hukum-hukum Islam yang dijalankan di dalam negeri itu adalah berdasarkan Mazhab Syafii, dia sudah kata begitu. Jadi sekarang ini banyak buku-buku, khasnya buku-buku dari

Indonesia yang masuk ke Malaysia tidak ada memakai mazhab, bukan Mazhab Syafii, bukan Maliki, bukan Hambali, ikut dia buat. Maka sekarang ini pihak Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan dasar ini adakah dia mengikut mazhab ataupun bebas?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara yang mengikut Mazhab Syafii. Walau bagaimanapun berhubung dengan soal buku agama "Soal Jawab Uqama" oleh A. Hassan yang terkandung dalam soal itu, Bahagian Uqama, Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa, yang pertama, penulis itu tidak menulis dari aspek mana-mana mazhab, ia bebas daripada mazhab-mazhab yang keempat. Walau bagaimanapun, didapati bukunya itu "Soal Jawab Uqama" oleh Ustaz A. Hassan itu difikirkan mengelirukan pelajar-pelajar muda yang pada pendapat Kementerian Pelajaran mungkin belum lagi mantap dan begitu matang fahaman agama mereka untuk memahami soal mazhab-mazhab ini, maka itulah jawapan saya.

MUTU PERKHIDMATAN PEGAWAI KERAJAAN

6. **Datuk G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa sungguhpun pencatitan masa untuk keluar pegawai-pegawai Kerajaan membawa kesan yang baik akan tetapi penyeliaan dan pengawasan rapi oleh Ketua Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian tertentu tentang kerja yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan membawa kesan yang lebih bermakna lagi; jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa penyeliaan dan pengawasan sepertimana telahpun diamalkan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian berkenaan adalah juga perlu di samping perlaksanaan sistem mencatatkan masa keluar masuk.

Sayugia dimaklumkan jua bahawa bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan awam antara langkah-langkah yang sedang diambil

ialah mengadakan kursus-kursus berbagai jenis bagi semua peringkat pegawai melalui INTAN dan juga di luar negeri; mengetatkan disiplin, kenaikan pangkat berdasarkan kepada merit dan 'anugerah khidmat cemerlang' kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan baik. Kerajaan juga akan mewujudkan satu format baru untuk mengukur prestasi kerja tahunan dan penghasilan kerja mingguan bagi tiap-tiap pegawai Kerajaan.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada disebutkan oleh Timbalan Menteri berkenaan kenaikan pangkat pegawai-pegawai ini. Saya ingin bertanya boleh atau tidak pegawai-pegawai Kerajaan ini dinaikkan pangkat dalam masa setahun itu lebih daripada sekali jika memandangkan prestasi kerjanya begitu memuaskan sekali?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini banyak kali sudah kita dengan Ahli-ahli Dewan merungut bahawa ada setengah-setengah pegawai itu yang tidak begitu bertanggungjawab menjalankan tugas, yang ada menyeleweng dan sebagainya. Boleh atau tidak ahli-ahli politik misalnya Ahli-ahli Dewan Negara ini atau Ahli-ahli Dewan Rakyat melaporkan kepada Menteri atau Timbalan Menteri akan kegiatan pegawai-pegawai yang tersebut?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terhadap pegawai-pegawai yang cekap dan begitu bagus di dalam kerjanya kenaikan pangkat memang boleh diberi lebih daripada sekali dalam setahun.

Jawapan kepada yang kedua, terhadap pegawai-pegawai yang dikatakan tidak bertanggungjawab dan menyeleweng maka bolehlah pihak sesiapa juga, termasuklah ahli-ahli politik melaporkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dan sekiranya didapati ada asas dan ada keterangan dalam laporan itu tindakan yang sewajar dan tegas bolehlah diambil terhadap pegawai-pegawai yang seumpama itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya ber-

sabit dengan pentadbiran pegawai-pegawai Kerajaan yang kita selalu sebut supaya penyalarsan yang sebaik-baiknya dijalankan. Saya suka bertanya kerana ada satu perkara yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini harus diteliti balik iaitu berkenaan dengan pertukaran. Ada kadang-kadang saya tengok Pegawai-pegawai Daerah dua tahun sudah ditukarkan, pada hal dia sedang membuat beberapa rancangan-rancangan konkrit dalam daerah itu dan ada pula pegawai-pegawai Kerajaan 5-10 tahun masih tidak ditukarkan. Ini satu perkara yang saya rasa saya sendiri tidak faham, apa sebab-musabab jadi begitu? Mungkin pegawai yang lama itu agaknya baik dan fikirkan di tempat itu, tetapi saya fikir ada banyak pegawai lain yang baik juga, jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah diberitahu dasar Kerajaan sama ada perkara ini boleh dirombak iaitu sekurang-kurangnya pegawai yang hendak ditukarkan itu biar sampai 3-4 tahun, janganlah dua tahun atau satu tahun setengah. Saya pandang seperti Pegawai Daerah dia telah membuat satu projek yang baik dalam mengendalikan beberapa perkara dalam mukim-mukim atau kampung, tiba-tiba sudah dihukum tukar jauh. Saya rasa ini satu perkara yang saya rasa harus diatasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan sekurang-kurangnya 3-4 tahun baru ditukar ataupun selama 5-7 tahun mestilah ditukar pegawai itu bagi faedah negara kita ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya Kerajaan berpatutan dalam membenarkan seseorang pegawai itu berkhidmat di dalam satu-satu tempat atau satu-satu jawatan mengenai masa yang berpatutan. Bagaimanapun ada juga kadangkala oleh kerana kepentingan kerja dan berhubung rapat dengan kepentingan orang ramai seseorang pegawai itu terpaksa ditahan di dalam satu-satu jawatan itu lebih lama daripada kebiasaannya dan ada kalanya juga seseorang pegawai itu disebabkan sesuatu hal ataupun sebab yang tertentu terpaksa ditukar dengan cepat daripada tempat yang dia bekerja. Bagaimanapun saya akan mengambil ingatan di atas pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang jangka masa seseorang itu patut atau tidak patut ditukar.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Inti soalan ini adalah berkenaan dengan tempoh masa bekerja clock-in dan productivity. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada semenjak clock-in dan clock-out system ini dibuat sama ada productivity Kerajaan telah meningkat, bagaimanakah Kerajaan menyukat kecekapan dan kebolehan serta productivity yang dihasilkan oleh seseorang pekerja.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, semenjak clock-in system diwujudkan daripada laporan-laporan yang diterima, production kerja atau penghasilan kerja memanglah bertambah baik dan selain daripada laporan biasa yang diterima maka cadangan Kerajaan di masa akan datang ialah seperti saya sebutkan tadi hendak mengadakan format baru dan juga hendak mengadakan laporan tahunan dan sebagainya bagi mengukur dengan lebih baik lagi tentang productivity ataupun hasil kerja tiap-tiap seorang pegawai itu.

DOKTOR MELANJUTKAN PELAJARAN

7. **Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan doktor-doktor yang dihantar belajar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam tahun 1980 dan 1981 dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980, sejumlah 32 pegawai perubatan telah melanjutkan pelajaran di luar negeri. Dari-pada jumlah ini, terdapat 9 orang Bumiputra dan 23 bukan Bumiputra. Pada tahun 1981 pula, seramai 32 pegawai dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran yang mana terdiri dari 17 Bumiputra dan 15 bukan Bumiputra.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sukacita mendapat gambaran, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan ini berapa ramai doktor-doktor yang telah mengambil kepakaran dari segi sakit jantung yang

dihantar keluar negeri sama ada ke Britain, Australia atau lain-lain negara atas cadangan untuk membuka yunit khas jantung di General Hospital, Kuala Lumpur pada tahun 1982 kelak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Oleh sebab saya tidak dapat menangkap soalan itu diharap dapat ulangi lagi.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya begini, daripada jumlah seramai 64 orang doktor yang dihantar keluar negeri pada tahun 1980 dan 1981, berapa orangkah doktor mengambil kepakaran dalam sakit jantung yang dihantar keluar negeri dalam tahun ini atau sebelumnya, kerana cadangan kita untuk menjadi pakar dalam soal sakit jantung atau cardiology di Hospital Besar, Kuala Lumpur apabila wad itu diistiharkan rasmi pada tahun 1982 kelak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ada seorang pakar pembedahan jantung yang sedang menjalani latihan di Australia, seorang anaesthetist yang menjalani latihan di Australia supaya dapat memberi pertolongan kepada pakar pembedahan jantung. Ada juga tiga orang pegawai perubatan yang menjalani latihan di London sebagai cardiologist dan dengan itu kita harap dapat mengadakan satu nucleus yunit jantung apabila pusat ini dibuka dalam tahun akan datang.

Dr. Gan Kong Seng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri Kesihatan memberitahu antara doktor-doktor yang dihantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka, berapakah yang dihantar untuk belajar bahagian pathology dan bius

Yang kedua, kalau tidak rasmi doktor dihantar untuk belajar pathology dan bius, apakah sebab-sebabnya, adakah Kementerian tidak suka menghantar mereka atau disebabkan doktor-doktor sendiri tidak suka belajar.

Yang ketiga, untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor pakar pathologists dan bius di Hospital, bolehkah Kementerian Kesihatan beri lebih elau kepada mereka supaya mereka suka bertugas dan berkhidmat di

hospital sebagai doktor pakar pathologists dan doktor pakar bius.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang bius, Kementerian telah menghantar 4 orang pegawai perubatan dalam tahun 1980 dan satu lagi dalam tahun 1981. Dalam bidang pathology, Kementerian Kesihatan telah berunding dengan universiti-universiti tempatan dan universiti akan mengadakan satu kursus sebagai Master in Pathology dalam tahun ini juga dan Kementerian memangnya hendak menggalakkan doktor-doktor mengambil kursus-kursus seperti bius dan pathology oleh kerana dari pengalaman Kementerian, kursus ini tidak sangat popular. Kursus popular ialah dalam bidang perubatan, pembedahan dan sebagainya. Kementerian sedang mengkaji semula sama ada kita harus memberi insentif kepada pegawai-pegawai perubatan supaya boleh mengikuti kursus-kursus yang tidak popular seperti yang mana diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PESARA-PESARA DIBERI LAYANAN ISTIMEWA

8. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan seterusnya membuat peraturan supaya pesara-pesara akan diberi layanan istimewa seperti apabila mereka menunggu giliran untuk mendapat rawatan di rumah-rumah sakit dan sebagainya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa mencuba untuk memberi perkhidmatan yang berkesan khususnya kepada pesara-pesara. Di antara kemudahan-kemudahan yang telahpun diberikan ialah pada ketika ini semua pesara-pesara telahpun diberikan Kad Pesara untuk kegunaan mereka ketika membuat rawatan ke hospital. Kemudahan yang diberikan itu adalah sama seperti kemudahan rawatan yang diterima oleh kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat mengikut kumpulan masing-masing.

Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat perlu memahami bahawa sebenarnya perkhidmatan yang diberikan oleh

pihak hospital bukanlah sahaja kepada kakitangan Kerajaan tetapi malahan juga kepada semua rakyat yang lain. Oleh itu, adalah tidak begitu wajar sekiranya pesara-pesara tersebut diberi keistimewaan yang lebih mengikut peraturan-peraturan pentadbiran hospital yang sedia ada. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian demi memajukan lagi perkhidmatan Jabatan ini, khususnya terhadap pesara-pesara.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa ramai pesara-pesara kita yang ada sekarang ini iaitu tahun 1980 dan tahun 1981?

Soalan yang kedua, bolehkah atau tidak kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri termasuk Senator-senator yang ramai akan bersara kemudian hari kelak diberi keistimewaan sebagaimana soalan yang ditujukan tadi? Saya tidak maksudkan kepada semua mereka ini telah berkhidmat kepada masyarakat dan negara, saya kira khidmat secara sukarela (lillah) jadi patut keistimewaan itu diberi kepada mereka yang saya sebutkan tadi.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri jumlah penerima pencen bagi masa sekarang ini iaitu seramai 101,660 untuk tahun 1981 ini sahaja. Untuk tahun 1980 saya berkehendakkan notis.

Mengenai dengan keistimewaan yang diberi kepada penerima pencen sekarang ini boleh juga diberi kepada Ahli-ahli politik termasuklah Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator yang akan bersara kelak.

HARGA GETAH

9. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga getah sudah jatuh ke paras minima \$60.00 sepikul dan jika sedar apakah tindakan yang beliau telah ambil memandang kepekebun-pekebun kecil telah tidak menoreh dan lebih berminat bekerja sebagai buruh di projek-projek perumahan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di Dewan yang mulia ini pada 10hb Disember, 1981 yang lalu dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kemerosotan harga getah ke paras yang minima, adakah Kerajaan bertujuan membeli getah-getah dari pekebun-pekebun kecil dengan harga yang berpatutan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sekalipun dalam jawapan saya yang mula-mula tadi saya katakan tidak berniat hendak menambah, namun saya akan tambah juga. Sebenarnya selama ini Kerajaan telah membeli getah-getah dari pekebun-pekebun kecil. Kita telah mewujudkan MARDEC dan juga RISDA untuk menjalankan aktiviti pembelian getah daripada pekebun-pekebun ini. Di samping itu Kerajaan juga sentiasa mengarahkan pihak MARDEC dan RISDA untuk membeli getah dari pekebun kecil supaya dapat menentukan yang harga getah akan dapat meningkat ke paras yang tinggi sedikit.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, sebelum perang pada masa pemerintahan British dahulu berlaku kejatuhan harga getah. Pemerintah British beri skim kupon untuk menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil. Adakah tujuan Kerajaan kita yang makmur dan adil sekarang ini boleh memberi kupon kepada pekebun-pekebun kecil oleh sebab harga jatuh sekarang ini sedangkan 65% daripada getah negara kita datangnya daripada pekebun-pekebun kecil. Oleh sebab ada contohnya Kerajaan beri subsidi kepada penanam padi sehingga \$108 juta pada tahun yang lepas, tidakkah boleh Kerajaan menimbangkan beri kupon mengikut acreage pekebun-pekebun kecil bagi menambah pendapatan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan, mungkin apa yang disyorkan itu boleh diberi perhatian oleh pihak Kementerian saya.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga getah ini sangat menurun sehingga kepada harga minima, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawasanya pekebun-pekebun kecil yang menerima bantuan menanam semula getah telah mengorek tanah-tanah mereka untuk menjual tanah dengan secara lori dan kalau Kementerian sedar, apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak Kementerian yang berkenaan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan ini memang berlaku di mana-mana pun, bukan hanya dalam ladang getah tetapi dalam ladang-ladang tanaman lain pun berlaku sekiranya didapati harga bahan itu turun ataupun komoditi itu turun. Namun demikian, pihak Kerajaan atau Kementerian saya sentiasa menasihati pihak yang berkenaan untuk menentukan dengan harapan harga getah akan naik dan mereka akan menumpukan perhatian terhadap getah di tanah mereka itu.

Soal untuk memberi arahan dari segi undang-undang terhadap mereka supaya jangan menjual tanah dan sebagainya, saya rasa bukanlah di bawah tanggungan Kementerian saya.

BIRO SIASATAN NEGARA— MENUKAR NAMA

10. Tuan V. V. Aboo minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau bercadang menubuhkan sebuah badan yang dipanggil Biro Siasatan Rasuah khusus untuk menyiasat kes rasuah di negara ini, memandangkan Biro Siasatan Negara lebih banyak mengendalikan kes-kes lain;
- (b) adakah beliau berpuashati di atas mutu pencapaian atau prestasi Biro Siasatan Negara (BSN) dalam mengendalikan kes-kes rasuah; dan
- (c) jika tidak, apakah langkah-langkah atau tindakan yang akan, sedang dan telah beliau lakukan untuk meningkatkan prestasi Biro Siasatan Negara (BSN) dalam mengendalikan kes-kes rasuah.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan memang bercadang untuk menukar nama Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah dengan tujuan supaya badan itu dapat memberi lebih tumpuan dan perhatian terhadap kes-kes rasuah di negara ini. Bagi maksud tersebut, satu Rang Undang-undang akan dibentangkan di Persidangan Parlimen yang akan datang.
- (b) Pada keseluruhannya Kerajaan adalah berpuashati di atas prestasi Biro Siasatan Negara dalam mengendalikannya kes-kes rasuah. Namun demikian prestasi BSN akan dipertimbangkan lagi supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha menghapus dan mencegah rasuah di negara ini.
- (c) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan prestasi Biro Siasatan Negara adalah:
- (i) memperkukuhkan BSN dengan menambah bilangan pegawai-pegawai siasatan untuk berkhidmat secara tetap dengan Biro itu;
 - (ii) mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai awam daripada lain-lain agensi Kerajaan untuk dipinjamkan ke Biro itu;
 - (iii) memastikan supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat di Biro Siasatan Negara mempunyai taraf disiplin yang tinggi serta juga menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka dengan jujur dan ikhlas;
 - (iv) melengkapkan Biro itu dengan kelengkapan yang moden yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas siasatan dengan berkesan serta melatih pegawai-pegawainya supaya lebih cekap dalam tugas-tugas itu.
 - (v) memastikan supaya BSN menumpukan perhatian yang lebih

terhadap menghapuskan amalan rasuah dalam ertikata sebenarnya.

- (vi) memberi perhatian yang secukupnya terhadap aktiviti pencegahan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Berbalik kepada soal BSN ini, apabila kita sebut BSN tentulah agaknya orang-orang yang menyeleweng berasa juga gementar kepada orang yang bernama BSN ini. Saya hendak bertanya, berapa ramai pegawai BSN sudah ada dalam negeri kita ini dan mereka ini adalah dipilih dari pihak polis sahaja ataupun bagaimana taraf kebolehan mereka yang diambil oleh Kerajaan yang dijadikan pegawai BSN sekarang dan di mana mereka ini dihantar berlatih. Sebab pada hemat saya BSN yang kita lantik sahaja dengan tidak mendapat latihan yang tertentu, mungkinlah tidak mencapai apa yang dimaksudkan oleh rakyat dan Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan BSN sekarang ini melebihi daripada 1,000 orang.

Tentang latihan, mereka adalah dihantar berlatih di dalam negeri seperti Polis Depo, INTAN dan lain-lain dan di samping itu mereka juga dihantar ke luar negeri seperti Hong Kong, Amerika, England dan lain-lain negara lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi soalan No. 11 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJA-PEKERJA LADANG

11. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyatukan (integrate) perkhidmatan kesihatan awam dengan skim-skim kesihatan di ladang-ladang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah memberi jawapan kepada satu soalan yang seakan-akan sama dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb Disember, 1981, mengenai hospital di ladang-

ladang. Saya telah menyatakan bahawa di bawah Undang-undang Buruh Asas ataupun "Rump Labour Code", pihak pengurusan ladang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kesihatan kepada pekerja-pekerja ladang. Setakat ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengambil alih hospital-hospital tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah mendirikan beberapa buah pusat kesihatan dan klinik-klinik di kawasan luar bandar yang berhampiran dengan ladang-ladang dan dengan demikian penduduk-penduduk ladang bolehlah jua mendapatkan perkhidmatan ini.

EKSPORT KAYU BALAK

12. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian ini akan mengadakan kuota bagi eksport kayu ke luar negeri untuk mencegah kenaikan harga bahan-bahan tersebut dalam negara kita.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kementerian saya mengenakan kuota ke atas eksport kayu balak dari Semenanjung Malaysia selain dari mengharamkan eksport 16 jenis kayu yang dikuatkuasakan secara beransur-ansur semenjak 1972. Tujuan menyekat eksport 16 jenis yang popular dan mengenakan kuota bagi jenis yang lain itu adalah untuk menggalakkan pemerosesan kayu-kayan di dalam negeri kita dan mencapai tambahan nilai dari pemerosesan. Dengan kuota yang tersebut, industri dan pengguna tempatan boleh mendapat bekalan yang cukup atas harga yang berpatutan. Kuota yang dibenarkan adalah dikurangkan tiap-tiap tahun kepada 1½% dari jumlah pengeluaran kayu balak sahaja dalam tahun 1981.

Bagi kayu gergaji pula, Kementerian saya juga ada mengenakan sekatan eksport ke atas jenis-jenis tertentu seperti Cengal, Balau Merah dan Sepetir untuk penggunaan dan perusahaan tertentu seperti pembinaan rumah, kapal dan pembuatan perabut. Bagi jenis-jenis lain, eksportnya adalah diawasi untuk menentukan bekalan adalah cukup untuk kegunaan tempatan. Berhubung dengan ini, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, jumlah kayu gergaji yang berada dalam negeri untuk kegunaan tempatan telah bertambah dari 1.2 juta meter padu dalam tahun 1970 kepada 1.90 juta meter padu dalam tahun 1980. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kayu gergaji yang dieksportkan adalah terdiri dari kayu gergaji yang bergred yang mendapat harga yang tinggi di pasaran luar negeri. Kayu-kayu gergaji yang berada dalam negeri sebahagian besarnya adalah terdiri dari yang tidak digred yang biasanya dijual pada harga kurang dari harga yang diperolehi di pasaran luar negeri.

CUKAI JALAN BAGI KERETA

13. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula kadar cukai jalan bagi kereta-kereta.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tiap-tiap jenis cukai selalu dikaji sama ada perlu dipinda atau tidak. Ini termasuklah cukai jalan bagi kereta-kereta tetapi buah masa ini, tidak ada cadangan untuk membuat apa-apa pertukaran atas cukai ini.

ANAK WARGANEGARA MALAYSIA YANG DILAHIRKAN DI LUAR NEGERI—PENDAFTARAN

14. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan peraturan dan cara mendaftarkan kelahiran seorang anak Warganegara Malaysia yang lahir di luar Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Saya ingin menjelaskan iaitu bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh Warganegara Malaysia (bapa) di luar negeri mereka adalah dikehendaki mendaftarkan kelahiran tersebut di Kedutaan ataupun di Pejabat Suruhanjaya Malaysia yang berhampiran dan dokumen pendaftaran mengenai anak warganegara Malaysia itu akan diuruskan oleh pihak kedutaan atau Pesuruhjaya Malaysia di sana.

Apabila anak-anak warganegara Malaysia ini kembali semula ke Malaysia maka dokumen Pendaftaran kelahiran mereka yang

didapati di Pejabat Suruhanjaya dan di Kedutaan Malaysia adalah menjadi bukti menjadikan kanak-kanak itu sebagai warganegara Malaysia.

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

15. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah kerugian tahunan akibat dari penyakit kuku dan mulut bagi lima tahun kebelakangan iaitu tahun 1976, 1977, 1978, 1979, 1980 dan menyatakan sama ada tindakan yang berkesan telah diambil bagi mengelakkan terjadinya lagi penyakit ini di masa hadapan.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tidak ada sebarang kerugian pada tahun 1976 dan tahun 1977 kerana penyakit kuku dan mulut tidak berlaku pada tahun-tahun tersebut. Pada tahun 1978-1979 sebanyak \$4,578,846.00 telah dibayar sebagai pampasan kepada penternak-penternak kerana pemusnahan ternakan mereka sebanyak 18,117 ekor.

Selain dari bayaran pampasan di atas, Kerajaan juga telah mengeluarkan perbelanjaan untuk urusan berikut:

| | |
|---|--------------|
| (a) Perbelanjaan membeli ubat vaksin | |
| 1979 | \$229,343.00 |
| 1980 | \$334,730.00 |
| (b) Perbelanjaan elaun pegawai dan bayaran menyuntik ternakan | |
| 1979 | \$70,054.94 |
| 1980 | \$68,473.65 |

Tindakan yang berkesan telah diambil bagi mengawal penyakit kuku dan mulut di negara ini. Usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi dan mencegah penyakit tersebut ialah:

- (1) Mengadakan program suntikan ternakan.
- (2) Mengawalkan pemindahan ternakan di antara negeri-negeri.
- (3) Memperkatakan pemeriksaan ternakan di rumah-rumah sembelih.
- (4) Mengadakan pasukan kawalan khas bagi penyakit kuku dan mulut.

- (5) Mengeratkan kerjasama di antara Kerajaan Malaysia/Thai berkaitan dengan pencegahan Penyakit kuku dan mulut di kawasan Sempadan.

Pada tahun 1980 sehingga 4hb November 1981 lebih kurang 710,000 suntikan telah dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia.

BELIA—PERUNTUKAN TAHUNAN

16. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlah peruntukan tahunan untuk belia-belie Negara kita bagi menjalankan kegiatan-kegiatan pertanian dan perniagaan dari tahun 1976 ke 1980 dan dari jumlah ini nyatakan jumlah yang diberikan dalam bentuk pinjaman dan sama ada bayaran balik pinjaman itu telah dibuat mengikut jadual.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengeluarkan peruntukan berjumlah \$9,781,000.00 untuk Projek Belia Peladang dan bagi Rancangan Belia Berniaga pula berjumlah \$9,207,152.09 dari tahun 1976 hingga 1980. Peruntukan ini diberi dalam bentuk bantuan kepada belia-belie. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

(a) Peruntukan Projek Belia Peladang

| | |
|---------------|-----------------------|
| Tahun 1976 .. | \$ 286,000.00 |
| Tahun 1977 .. | 1,409,000.00 |
| Tahun 1978 .. | 3,000,000.00 |
| Tahun 1979 .. | 2,339,000.00 |
| Tahun 1980 .. | 2,747,000.00 |
| Jumlah .. | <u>\$9,781,000.00</u> |

(b) Peruntukan Rancangan Belia Berniaga

| | |
|---------------|-----------------------|
| Tahun 1976 .. | \$ 150,999.50 |
| Tahun 1977 .. | 357,776.00 |
| Tahun 1978 .. | 372,193.65 |
| Tahun 1979 .. | 3,240,766.04 |
| Tahun 1980 .. | 5,085,416.90 |
| Jumlah .. | <u>\$9,207,152.09</u> |

GETAH—KEMEROSOTAN PENGLUARAN

17. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab kekurangan pengeluaran getah dalam tempoh tahun-tahun 1976-1980 dan tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk membanyakkan pengeluaran getah mengikut Polisi Pengeluaran Dinamik Kerajaan yang telah dicorak untuk memelihara kedudukan Malaysia sebagai pengeluar terpenting getah asli.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Kementerian saya memang sedar tentang kemerosotan pengeluaran getah sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada amnya, pengeluaran bagi sektor pekebun kecil adalah lebih stabil dan kekurangan pengeluaran getah asli negara adalah disebabkan oleh kejatuhan pengeluaran dari sektor estet.

Kemerosotan pengeluaran getah asli adalah berkait rapat dengan berkurangnya kawasan getah disebabkan oleh penukaran tanah getah kepada kelapa sawit dan lain-lain tanaman terutamanya di sektor estet. Di antara tahun 1976-1980 seluas 84,500 hektar tanah getah telah ditukarkan kepada tanaman kelapa sawit dan lain-lain jenis tanaman. Di samping itu kekurangan buruh dan kemerosotan harga getah pada akhir-akhir ini telah juga memberi kesan kepada pengeluaran getah.

Untuk mengatasi masalah kekurangan pengeluaran getah ini dan memandangkan kepada prospek getah asli yang cerah dalam jangkamasa sederhana dan panjang, strategi-strategi dan program-program sedang digubal untuk dilaksanakan di bawah Dasar Pengeluaran Dinamik Getah Asli termasuklah meninggikan produktiviti di sektor pekebun kecil, menggalakkan program tanaman semula getah, dan mempergiatkan pembukaan tanah-tanah baru dengan getah. Dari segi pembukaan tanah baru seluas 120,000 ekar setahun adalah dirancang sebagai matlamat pembukaan tanah baru dengan getah bagi tempoh yang akan datang. Dalam menggubal strategi dan program tersebut masalah kekurangan tenaga buruh juga adalah sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

Berhubung dengan ini, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) sedang menggiatkan usaha-usaha untuk mengadakan teknologi-teknologi yang lebih berkesan dan yang boleh menjimatkan penggunaan tenaga buruh dalam industri getah.

Di samping itu juga beberapa langkah positif telah diambil oleh Kerajaan dari masa ke semasa bagi mewujudkan insentif-insentif yang sesuai ke arah menggalakkan pengeluaran getah asli negara. Langkah-langkah ini termasuklah pengurangan duti eksport getah sebagaimana yang dibuat dalam Belanjawan tahun 1980 dan 1981. Bantuan tanaman semula juga telah dinaikkan mulai awal tahun ini kepada \$2,200 bagi tanaman semula getah untuk tanaman seluas 10 ekar dan ke bawah. Bagi menentukan hasil-hasil penyelidikan dapat dipindahkan kepada sektor pekebun kecil dengan berkesan maka satu Jawatankuasa bersama RRIM-RISDA telah dibentuk yang antara bidang tugas-tugasnya ialah memberi penekanan kepada menggalakkan amalan-amalan agronomik dan pengurusan yang lebih baik di kalangan pekebun-pekebun kecil bagi meningkatkan lagi daya pengeluaran mereka.

PANGGILAN STD DARI SABAH/SARAWAK KE SINGAPURA

18. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Panggilan STD dari Sabah dan Sarawak dapat sambungan terus ke Singapura.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sebenarnya sudahpun ada mempunyai hubungan telefon dail terus ke Singapura tetapi ianya adalah di antara Semenanjung Malaysia dengan Singapura sahaja. Pelaksanaan perkhidmatan telefon dail terus di antara Sabah, Sarawak dan Singapura adalah tertakluk kepada persetujuan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura. Pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengadakan perkhidmatan panggilan STD di antara Sabah, Sarawak dengan Singapura.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR OLEH KILANG-KILANG

19. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan Kerajaan mengatasi pencemaran alam sekitar oleh kilang-kilang yang membuang kotoran dan bahan beracun hingga memusnahkan hidupan di air.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas minat beliau mengenai langkah-langkah bagi mengatasi masalah pencemaran daripada kilang-kilang.

Sebenarnya, kejadian-kejadian yang melibatkan kemusnahan ikan atau lain-lain hidupan di air akibat pelepasan effluen dan bahan-bahan toxic daripada kilang-kilang jarang sekali berlaku dan jikapun berlaku, ianya tidaklah begitu meluas. Ini adalah kerana langkah-langkah kawalan yang dijalankan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya terutama sekali melalui penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dirangka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Peraturan-peraturan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977. — P.U.(A) 342/77

Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978. — P.U.(A) 338/78

Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979. — P.U.(A) 12/79

Selain daripada langkah penguatkuasaan, Kementerian saya juga terlibat dalam perancangan awal penempatan kilang-kilang dalam mana pihak berkuasa perancang merujuk kepada Kementerian saya untuk ditentukan kesesuaian tapak kilang serta alat-alat pencegah dan pengawalan pencemaran yang perlu dipasang di kilang-kilang tersebut.

SYARIKAT INSURANS

20. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sekarang terlampau banyak syarikat-syarikat insuran jika dinisbahkan dengan penduduk Malaysia, bila dibanding dengan negara-negara maju; dan menyatakan sama ada syarikat-syarikat ini patut dikurangkan bilangannya dengan cara percantuman supaya tiap-tiap satu mendapat modal yang besar dan dengan itu mengurangkan bayaran perkhidmatan ke keluar negara.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa insurans adalah satu industri yang baharu di Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara OECD. Dan lagi, struktur-struktur dan sistem pasaran insurans di negara-negara OECD adalah berlainan. Dengan yang demikian, tidaklah wajar membandingkan industri insurans di antara negara-negara OECD dengan Malaysia terutamanya berdasarkan jumlah bilangan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan di kedua-dua kawasan tersebut. Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat saya suka menyatakan bahawa pada masa ini terdapat 65 buah syarikat di Malaysia yang menjalankan perniagaan insurans nyawa dan am. Sebagai bandingan, bilangan syarikat insurans di kebanyakan negara-negara OECD adalah lebih banyak lagi.

Namun demikian, Kementerian saya sedang menumpukan perhatian untuk mengurangkan bilangan syarikat insurans di samping mengukuhkan kedudukan mereka. Sepertimana Ahli Yang Berhormat termaklum sebilangan syarikat-syarikat insurans telah bercantum, mengakibatkan pengurangan secara beransur-ansur dalam bilangan syarikat insurans yang menjalankan perniagaan di negara ini. Misalnya, bilangan syarikat telah berkurang daripada 92 dalam tahun 1971 kepada 65 pada masa ini. Pengurangan ini adalah disebabkan perlaksanaan rancangan penyusunan semula oleh industri insurans yang telah menghasilkan pencantuman beberapa

cawangan syarikat asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia. Pihak Kerajaan akan terus menggalakkan pencantuman untuk mengukuhkan lagi industri insurans.

KASTAM—PEMERIKSAAN KETAT

21. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kastam akan melakukan pemeriksaan ketat seperti yang dibuat di Tambak Johor baru-baru ini di pintu masuk ke negara ini terutama di kawasan sempadan Malaysia-Thai di Rantau Panjang, Pengkalan Kubur, Bukit Bunga di Kelantan dan Bukit Berapit di Kedah.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Mengam menjadi hasrat serta tanggungjawab pihak Kastam untuk sentiasa melakukan pemeriksaan yang secukupnya ke atas tiap-tiap orang dan barang yang masuk ataupun keluar negara ini. Setakat ini pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak Kastam di semua tempat-tempat masuk ke negara ini adalah berpatutan.

KASTAM—PEMERIKSAAN KETAT

22. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah baru sekarang pihak Kastam Diraja Malaysia mengadakan kawalan ketat dipintu masuk ke negara ini di Tambak Johor dengan melakukan pemeriksaan teliti, di mana setiap barang sekecil-kecilnya yang dibawa masuk oleh orang ramai dikenakan cukai dan sama ada tindakan yang baik ini hanya untuk sementara waktu saja atau berterusan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak Kastam selama ini di Tambak Johor adalah mencukupi dari segi undang-undang. Tetapi baru-baru ini pemeriksaan yang dikenakan di situ memanglah lebih ketat dari biasa. Pemeriksaan ketat ini adalah dijalankan atas kehendak awam juga. Suka saya menerangkan di sini bahawa ini bukanlah kali pertama pemeriksaan yang sebegini ketat dikenakan di Tambak Johor. Pada masa dahulu pemeriksaan ketat pernah juga dilakukan tetapi tidak diberi apa-apa publisiti. Jabatan Kastam juga bercadang untuk meneruskan pemeriksaan ketat yang berjalan sekarang sekiranya tidak ada

masalah-masalah berat yang timbul daripadanya.

DAGING SEMBELIH HARAM

23. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa kalikah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengesan perbuatan menggunakan daging-daging sembelih haram untuk dijual kepada orang-orang Islam di restoran-restoran, dan kedai-kedai makanan di seluruh Bandaraya itu sejak tahun 1979.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Dewan Bandaraya tidak pernah mengesan perbuatan menjual daging-daging sembelih haram kerana ianya di luar kuasa Pentadbiran ini.

RUNTUHAN LAMPU-LAMPU DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

24. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pengangkutan menyatakan hasil-hasil penyiasatan yang dijalankan di atas runtuhan lampu-lampu di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini dan sama ada mereka yang tercedera dari kejadian itu diberi suguhati.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Jawapan kepada pertanyaan ini telahpun diberikan pada 21hb Disember, 1981 di Dewan yang mulia ini, iaitu semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook. Oleh itu, saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1980 DAN 1981)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (21hb Disember, 1981).

3.35 ptg.

Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbincangan saya pada petang kelmarin saya telah menyentuh mengenai Jabatan Penerangan yang mana iklan yang telah ditunjukkan dalam televisyen iaitu iklan gas memasak yang mana suara si Atan iaitu suara daripada Jamali Sadat, yang mana saya anggap iklan yang dibuat oleh RTM ini adalah seolah-olah melawak jenakakan, sedangkan gas memasak ini, cara-cara menggunakan gas memasak ini adalah sebagai satu keselamatan kepada suri-suri rumahtangga. Maka dengan demikian, saya berharap kepada Kementerian Penerangan supaya menapis segala iklan-iklan yang hendak ditayangkan di dalam televisyen supaya ia benar-benar dapat menggambarkan dan dapat diterima oleh penuntut-penuntut gunanya iklan-iklan yang ditayangkan itu bukanlah sepertimana yang saya katakan iaitu gas memasak ini macam dilawak jenakakan oleh seorang pelawak di negara ini tidak dapat dinafikan iaitu Jamali Sadat jadi suara itu betul-betul suara si Atan yang pernah direkodkan sebagai satu rekod lawak jenaka. Dengan demikian supaya Jabatan Penerangan pada masa-masa akan datang supaya mengkaji, menapis dengan sebaik-baiknya iklan-iklan ini bukan sahaja daripada segala lawak jenaka tetapi juga yang mana bertentangan yang pernah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini juga meminta Jabatan Penerangan supaya cerita drama, misalnya Drama Minggu Ini yang ditayangkan mungkin dalam beberapa hari yang lalu yang berjudul "Tok Awang". Dalam drama itu menunjukkan seolah-olah ahli politik yang hendak minta dipilih telah membuat perjanjian kepada rakyat dan sebagainya. Ini memanglah tidak menjadi kesalahan kalau difikirkan bahawa negara kita ini sebuah negara demokrasi kita tidak takut sesiapa pun hendak mencabar kita, tetapi cara mereka menonjol-nonjolkan di dalam drama itu ialah seolah-olah orang-orang politik ini hanya mahu mendapat kedudukan melalui cara-cara mereka bersyarah dan sebagainya di hadapan orang-orang kampung.

Kalaulah orang-orang kita di luar bandar, orang-orang kampung kita kurang mentafsirkan maksud cerita itu nanti, sudah tentu mereka akan menganggap bahawa sebarang pilihanraya yang diadakan di negara kita ini hanyalah kita akan menghadapi muka-muka calon-calon kita kepada rakyat. Jadi bagaimana akibatnya kalau ianya disalah tafsirkan, orang-orang kampung kita salah mentafsirkan dan keinginan mereka untuk keluar mengundi itu tidak ada, berkurangan. Misalnya, orang kampung akan mengambil itu sebagai satu kenyataan dikatakan kalau perkara itu tidak benar, mengapa ditayangkan dalam TV sebagai satu drama, kenapa Kerajaan tidak melarang. Mereka menganggap inilah perkara benar ahli-ahli politik yang berbuat demikian, jadi kebetulan dalam maksud cerita ini tidak adalah hujung pangkalnya yang mana satu menang, yang mana satu kalah. Ada juga di antara kandungan dalam cerita itu di mana satu pihak calon tadi yang bapanya Tok Awang ini berasal dari seorang komunis yang balik kepada pangkuan. Jadi tidakkah ini juga akan menyinggung perasaan kepada mereka yang sudah kembali ke pangkal jalan yang sebenarnya jadi seolah-olah sebagai satu gambaran bahawa mereka itu masih menjadi satu tandatanya sama ada mereka ini masih diterima oleh masyarakat. Ini juga harus kita mengambil perhatian. Saya harap Kementerian Penerangan tidak dengan sewenang-wenangnya menerima sebarang Drama Minggu Ini yang hendak ditayangkan semata-mata untuk mengisikan program-program pada minggu-minggu itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya kalau orang-orang kampung menerima ini sebagai satu kenyataan yang pilihanraya itu tidak perlu, mereka tidak akan keluar mengundi, maka bilangan para pengundi kita akan berkurangan. Akibatnya saya tidak dapat meneruskan apa yang akan terjadi jika sekiranya kita tidak mendapat undi daripada rakyat kerana pengaruh-pengaruh daripada cerita Drama Minggu Ini. Saya harap Jabatan Penerangan dan pihak RTM akan berhati-hati melihat dan menapis serta membuat censors dalam membuat sebarang tayangan Drama Minggu Ini supaya ianya tidak akan menjejaskan perpaduan masyarakat mahupun kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Drama Minggu Ini, saya juga ingin meminta Jabatan Penerangan sebagai sebuah negara di dalam Malaysia ini masanya sudah sampai iaitu pelakun-pelakun daripada RTM Kota Kinabalu dan juga RTM Sarawak patut dibawa bersama melakukan mana-mana satu juga cerita drama supaya pelakun-pelakun di dalam cerita-cerita drama ini akan dapat dicungkil daripada wanita-wanita daripada Sabah dan Sarawak, mungkin di kedua-dua negeri ini punya pelakun-pelakun yang cantik-cantik, jadi barulah ada nampaknya integrasi di antara pelakun-pelakun daripada RTM Semenanjung dan juga RTM Kota Kinabalu dan Sarawak. Jadi ini dapatlah dirasakan bila kita menonton Drama Minggu Ini ataupun apa juga bentuk cerita yang hendak dibuat dalam TV dapat dinikmati bersama oleh seluruh penonton-penonton kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, buktinya RTM pernah membuat satu filem yang bernama 'Dayang Suhana' dan filem ini kebanyakan penggambarannya diambil di Sibul, Sarawak dan juga pelakun-pelakun terdiri daripada beberapa orang wanita-wanita Sarawak yang mana saya percaya filem ini sangat-sangat sekali mendapat box office bila mana ianya ditayangkan. Maka saya fikir itu sahajalah pandangan saya kepada Maksud B. 47 iaitu mengenai Kementerian Penerangan.

Di sini saya ingin menyentuh sedikit mengenai penyeragaman harga barang-barang di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak yang mana barang-barang buatan Malaysia seperti rokok, Maggie mee, Planta, sabun wangi, Fab, Breeze dan sebagainya yang mana terdapat harga di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada harga yang kita dapat beli di Semenanjung Malaysia. Sedangkan benda-benda ini dibuat di dalam satu negara Malaysia, kenapa rakyat di Sabah dan Sarawak terpaksa membayar 30% lebih tinggi daripada harga di Semenanjung Malaysia? Kalaulah ini disebabkan kerana pengangkutan maka pihak Kementerian Pengangkutan harus juga mengkaji kerana kita mempunyai Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC). Sepatutnya kos pengangkutan barang-barang buatan

daripada Semenanjung Malaysia untuk dibawa ke Sabah dan Sarawak patutlah juga diberikan subsidi supaya penyeragaman harga barang-barang buatan dalam satu negara ini sendiri dapat sama-sama dirasakan. Jikalau tidak demikian sudah tentu tidak ada seimbang harga barang-barang di antara Sabah dan Sarawak ini. Maka, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bagaimana harga-harga barang yang dibuat dalam sebuah negara itu misalnya di New Zealand; New Zealand itu punya dua buah pulau, satu pulau utara dan satu pulau selatan. Ibu Kotanya Wellington. Dan di sana apa jenis barang yang dibuat di pulau utara dibawa ke pulau selatan juga melalui kapal, harga barang itu sama sahaja, biar satu kotak mancis sekalipun harganya tidak berubah satu sen. Jadi inilah contoh-contohnya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Wellington misalnya kita naik ke pendalaman lagi misalnya di Wangganui, Gisbon dan daripada sana kita masuk ke satu kawasan pendalaman yang kecil lagi, barangkali dalam satu batu baru ada sebuah rumah di sana dan hanya ada ladang-ladang di sana juga harga barang-barang ini sama, tidak ada perbezaan, biar rokok sekalipun harga-harga itu tetap sama.

Kalau kita selidiki baik di Australia sekalipun kalau dari Darwin kita terbang ke Sydney mungkin mengambil masa dua-tiga jam dalam penerbangan tetapi Sabah dan Sarawak hanya dalam masa dua jam sahaja iaitu sebuah negara yang sama, jadi saya minta kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengkaji kenapa harga barang-barang di Sabah itu lebih mahal. Misalnya satu perkara yang pernah dibangkitkan oleh Public Accounts Committee, harga Maggie mee 19 sen sebungkus di Semenanjung, di Sarawak \$3.60 sen. Maka itu memanglah tidak benar tetapi harga di Sabah dan Sarawak mungkin 35 sen sebungkus. Ini lebih 80% lebih tinggi harga barang yang dibuat di negara ini sendiri, jadi kenapa pula pengguna-pengguna di Sabah dan Sarawak patut membiayai kos sebanyak 80% lebih tinggi harga barang-barang yang dibuat di negara mereka sendiri. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, diharapkan Kementerian yang berkenaan akan dapat mengkaji dan dapat menyeragamkan harga barang buatan dalam negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang terakhir saya suka menyentuh di sini mengenai Perbendaharaan iaitu Maksud B. 33.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat sekali dikesal bahawa kenapakah Perbendaharaan di negara kita ini mengarahkan kepada bank-bank tempatan supaya melantik Juru-juru Odit daripada syarikat-syarikat yang kecil sahaja. Walaupun bank-bank perniagaan di negara kita ini melantik beberapa Juruodit untuk membuat kira-kira tetapi Perbendaharaan mengarahkan supaya perlantikan itu dibatalkan dan bank-bank ini diminta melantik Juruodit yang kecil. Jadi sudah tentu syarikat-syarikat Juruodit yang kecil ini tidak banyak mempunyai kemampuan yang lain. Nombor satu, perkara kekurangan kakitangan; mungkin juga mereka tidak dapat memenuhi kerja-kerja mengodit bank kerana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa kira-kira bank ini bukanlah sedikit bukan seperti syarikat-syarikat yang kecil. Saya tidak percaya kenapakah Perbendaharaan membuat arahan-arahan kepada bank supaya perlantikan itu dibuat kepada syarikat-syarikat kecil dan syarikat-syarikat yang kecil ini pula tidak mempunyai kakitangan yang mahir, tidak mempunyai cukup kakitangan dan mereka terpaksa mengambil Juru-juruodit daripada Singapura dan Juru-juruodit kita yang mempunyai pejabat, mempunyai kakitangan yang banyak di sini tidak mendapat peluang dalam memberikan perkhidmatan mereka dalam urusan membuat kerja-kerja odit.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan sentuh yang mana-mana bahagian lagi. Walau macam manapun, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Basharon Hanapiah.

3.46 ptg.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kewangan kita dalam Dewan yang mulia ini pada 18hb Disember, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh B. 54 Jabatan Laut yang telah diberikan peruntukan tambahan sebanyak \$700,000. Saya rasa peruntukan tersebut adalah terlalu besar dan membazirkan wang rakyat kerana peruntukan tersebut hanya digunakan untuk perbelanjaan menguatkuasakan undang-undang perkapalan dagang sahaja. Tuan Yang di-Pertua, wang peruntukan tersebut adalah wang rakyat, oleh itu Kerajaan hendaklah berhati-hati dan cermat untuk menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu dari tugas-tugas Jabatan Laut ialah untuk menggali muara-muara sungai yang cetek supaya senang dilalui oleh bot-bot tetapi saya ingin tahu mengapa Jabatan ini tidak menggali muara-muara Sungai Kuala Kedah dan Kuala Perlis yang terlalu cetek, cuma dua kaki dalam masa air surut dan tidak boleh dilalui oleh bot-bot. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu Jabatan ini memiliki tidak kurang 4 buah kapal korek untuk menggali muara-muara sungai. Oleh itu adalah diharap Jabatan ini akan mengambil tindakan segera untuk menggali muara-muara sungai yang saya sebutkan tadi dari dua kaki ke lapan kaki dalam semasa air surut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh B. 65 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang telah diberi peruntukan tambahan sebanyak \$104,545,641 dan di antara peruntukan yang tersebut yang terbesar sekali ialah sebanyak \$102,084,970 diberi kepada pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah. Peruntukan yang tersebut adalah besar untuk membuktikan kepada rakyat bahawa Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam mahu setiap rakyat dalam negara kita ini menikmati segala kesenangan dan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya ada di antara pekebun-pekebun kecil itu tidak

menghargai pemberian Kerajaan, sebaliknya mereka ini menipu Kerajaan pula dengan tujuan untuk cepat mendapat wang atau ingin cepat kaya. Perkara ini sudah terjadi sama ada disadari atau tidak oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun saya maksudkan itu, mereka menerima bantuan dari Kerajaan untuk menanam semula kebun-kebun mereka, tetapi selepas mereka menanam anak-anak getah di kebun yang tersebut lebih kurang tiga atau empat bulan maka lepas itu mereka menjual tanah-tanah merah di atas kebun tersebut kepada pemborong-pemborong dengan mencabut anak-anak getah yang baru sahaja ditanam di atasnya. Tuan Yang di-Pertua, yang menghairankan saya macam mana pihak Pejabat Tanah dapat memberi kebenaran kepada pekebun-pekebun tersebut untuk menjual tanah merah mereka padahal di atas tanah tersebut baru sahaja ditanam dengan anak-anak getah, yang mendapat bantuan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tidakkah ada kerjasama atau penyelarasan di antara Pejabat Tanah dengan Kementerian yang berkenaan. Jika ada, macam mana perkara ini boleh berlaku. Oleh itu adalah diharap Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan tegas untuk mengatasi perkara ini dari berlanjutan yang melibatkan wang rakyat yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh B. 58, Perkhidmatan Kaji Cuaca yang telah diberi peruntukan tambahan sebanyak \$984,256. Keseluruhan peruntukan tersebut adalah untuk penyelidikan. Saya berharap dengan peruntukan yang tersebut Perkhidmatan Kaji Cuaca akan dapat membuat penyelidikan yang lebih mendalam lagi. Tidak seperti sekarang ini, semua ramalan-ramalan yang dipancar melalui TV, radio dan siaran-siaran di dalam akhbar tidak tepat dan benar sama sekali serta menyusahkan rakyat, terutamanya kepada kaum nelayan kita yang hendak pergi ke laut. Mereka ini akan menjadi serba salah, hendak ke laut takut gelombang besar. Tetapi malangnya gelombang besar yang diramalkan

oleh Perkhidmatan Kaji Cuaca selalunya tidak benar dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ramalan-ramalan yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Kaji Cuaca itu selalu tidak tepat dan benar serta boleh menyusahkan rakyat yang selalu mengikut panduan darinya. Maka saya mencadangkan supaya ramalan-ramalan tersebut tidak payah lagi dipancarkan melalui TV dan radio kerana ini akan membuang masa Juruhebah TV dan Radio itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh B. 26, Kementerian Pertanian yang telah diberi peruntukan tambahan sebanyak \$48,379,500. Saya berharap Kementerian ini hendaklah berusaha untuk mengatasi kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh 80% dari petani-petani di Rancangan Perairan Muda di negeri Kedah mungkin juga di negeri Perlis yang pendapatan bersih mereka pada sebulan tidak lebih dari \$104.00. Dapatkah dengan wang sebanyak yang tersebut mereka dapat hidup dengan anak-anak dan isteri dengan sempurna seperti yang diharapkan oleh Kerajaan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian yang berkenaan berusaha dengan segera untuk mengatasi perkara tersebut dengan membuka perusahaan-perusahaan ringan yang menggunakan bahan-bahan tempatan seperti jerami, serkam padi dan habuk-habuk kayu yang begitu banyak di Kedah yang terbuang begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga hendaklah memberi kerja-kerja seperti menebas sungai-sungai dan membuat titi dan sebagainya di Rancangan Perairan Muda kepada petani-petani melalui Persatuan-persatuan Peladang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sawah-sawah padi di Rancangan Perairan Muda di Kedah mungkin juga di Perlis dalam masa 5 tahun akan datang akan terbiar begitu sahaja untuk dipenuhi oleh rumput-rumpai sepertimana yang telah terjadi di kawasan sawah Seberang Perai sekarang ini. Sekiranya ini berlaku, Kerajaan janganlah menyalahkan petani-petani. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan tidak mahu perkara ini berlaku Kerajaan hendaklah berusaha dari

sekarang bukan menunggu esok atau lusa untuk mengatasi kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh petani-petani sekarang ini untuk mencari orang-orang muda untuk menanam padi mereka. Sekarang ini wanita-wanita muda di kawasan Perairan Muda tidak lagi sanggup turun ke sawah untuk menanam padi. Mereka ini lebih suka pergi bekerja di kilang-kilang perusahaan di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya lagi sekali menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

3.58 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih terlebih dahulu dan saya bangun untuk mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Kumpulanwang yang Disatukan tambahan perbelanjaan bagi tahun 1980 dan 1981.

Saranan saya hari ini merupakan sebagai pandangan sedikit sebanyak teguran di atas jadual-jadual yang dikemukakan di sini terutamanya saya sentuh Kementerian Pengangkutan dan Pengangkutan Jalan sepertimana yang dicatitkan di sana B. 53 dan B. 59. Saya difahamkan bahawa Kementerian ini mempunyai tanggungjawab untuk merumus dan merancang serta melaksanakan sistem pengangkutan yang cekap, sistematik dan berkesan. Bila kita sebut bertanggungjawab tentulah kita berkehendakkan semua kenderaan pengangkutan jalanraya hendaklah diawasi dan dikendalikan dengan teratur dan selamat.

Saya hanya cuba hendak membawa perhatian Dewan dan Kementerian berkenaan ke utara Malaysia di mana saya tahu hampir setiap hari tidak kurang puluh bahkan ratus buah kenderaan-kenderaan yang datang dari negara jiran masuk ke negara kita setiap hari. Persoalan yang saya akan bangkitkan di sini ialah sama ada atau tidaknya kenderaan-kenderaan itu terdiri daripada lori trailer yang besar-besar, bas, kenderaan pelancong, sewa atau sendiri, kesemuanya besar-besar belaka. Pertanyaan saya ialah sama ada ini tidak kenderaan yang

melalui negeri saya setiap hari itu datang daripada negara jiran ke negara kita ini dikawal pendaftarannya.

Selain daripada itu, adakah pihak Kementerian yang berkenaan meneliti, memeriksa segala, bukan sahaja kenderaan, penumpang barangan yang ada di dalam kenderaan itu, barangan yang dibawa oleh penumpang-penumpang itu dan kenderaan-kenderaan tadi adakah disempurnakan sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang ataupun Perlembagaan di negara kita ini kerana di satu masa saya teringat suatu kemalangan berlaku di Jalan Alor Setar ke Sungai Petani. Kemalangan ini terlibat dengan lalulintas orang-orang negara kita Malaysia, terus terang saya katakan terbunuh oleh kenderaan-kenderaan yang datang dari negara jiran.

Sepanjang yang saya tahu biasanya kenderaan itu tidak diliputi dengan insuran dan sebagainya dan mungkin pendaftarannya juga tidak mencukupi sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang di negara kita ini. Kes itu saya hendak tahu apakah telah jadi sama ada dibawa ataupun dikemuka ke muka pengadilan atau tidak, Wallahua'lam. Jadi, persoalan yang saya hendak bangkitkan supaya pihak Kementerian dapat mengawasi seketat-ketatnya bila sesebuah kenderaan daripada negara jiran masuk ke sini hendaklah dikawal pendaftarannya terlebih dahulu, mungkin nombor pendaftaran itu sukar bagi kita hendak mengetahui kerana sistem yang ada di negara mereka agak nombor pendaftarannya amat berlainan sedikit daripada yang biasa digunakan di negara kita.

Begitu juga kalau kita perhatikan kereta itu sendiri, kenderaan-kenderaan itu sendiri digunakan cermin-cermin yang berwarna (tinted), pada hal kalau kenderaan yang berada di negara kita tentu sekali tidak dibenarkan begitu melainkan kereta orang besar-besar, kereta orang yang istimewa barangkali boleh, tetapi ini bukan istimewa agak saya, hanya kereta biasa digunakan cermin-cermin yang kita tidak dapat kenal siapa yang ada di dalam, siapa manusianya dan siapa orangnya. Itupun saya tidak tahu sama ada pihak Kementerian ini, Kementerian Pengangkutan dan sebagainya

ataupun pihak polis yang sentiasa mengawasi road block dan sebagainya menahan, bertanya mengapa begitu dan begini saya tidak tahu. Tetapi sepanjang yang saya tahu kereta ini berulang alik boleh dikatakan setiap hari dapat kita lihat di utara Malaysia, Pulau Pinang, Perak, Kedah, dan Perlis kereta-kereta ini berjalan dengan begitu bebas sekali.

Kemudian balik pula kepada kenderaan-kenderaan, begitu juga kalau undang-undang di negara kita sudah tentu akan menyekat sebab mencemarkan alam kenderaan dengan asap-asap yang begitu hitam dikeluarkan tetapi kereta ini tidak dipedulikan, dibiarkan begitu sahaja, samalah juga pemandu-pemandunya yang saya selalu berjumpa memang kurang road etiquettenya, dengan izin; memandu dengan bertimbang rasa kepada orang lain. Jadi, pemandu-pemandu yang membawa kenderaan daripada seberang atau negara jiran boleh kata, kalau saya hendak sebut dalam Dewan ini biadab pun boleh biadab, selalu tidak bertimbang rasa kepada orang lain. Ini salah satu daripada beberapa pandangan yang harus saya kemukakan untuk Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap kesah itu juga bila kurangnya pemeriksaan yang agak teliti kemungkinan berlaku bahkan sudah berlaku beberapa kes-kes jenayah, beberapa kes-kes penyeludupan barangan yang tidak dikehendaki oleh negara kita khususnya dadah, morphine dan sebagainya kerap dibawa melalui jalan-jalan ini. Tidak hairanlah agak saya lebihkurang sepuluh hari yang lalu bilamana Yang Mulia Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff sewaktu beliau ke Jitra, sebuah pekan agak kurang lebih 20 kilometer sahaja terletaknya pekan ini dengan sempadan Malaysia dan Thai, di sana beliau telah menyebut menekankan masalah jenayah dan pengedaran dadah menerusi jalan-jalan sedemikian. Jadi, saya rasa kalau tidak dibuat secara penelitian sudah pasti barang-barang yang kita tidak ingin dibawa masuk dan diseludup ke negara kita menerusi jalan-jalan yang saya sebutkan.

Bila bercakap masalah dadah bolehlah kita pergi kepada B. 40 iaitu berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

kerana kita ketahui dadah satu perkara yang wajib diambil perhatian berat, yang wajib kita iktirafkan sebagai seteru negara kerana ini lama kelamaan akan menghancurkan anak bumiputra ataupun anak negeri kita.

Kita faham bahawa amalan memulihkan dadah, memulih daripada penyakit dadah ini telah dibuat sama ada dari segi saintifik dan juga tradisional tetapi apa jadinya selepas daripada itu, saya tidak tahu sebenarnya, hanya saya tahu dalam satu kes di Kedah baharu-baharu ini sahaja. Seorang pemuda cantik lawa, dia telah kena penyakit ini dengan kuat dan teruk. Akhirnya dia sendiri timbul kesedaran dan dia masuk kepada alam pemulihan. Agak saya hampir 4 bulan lebih dia dipulihkan. Kemudian baliklah dia ke kampung, badannya segar, kecantikannya pulih semula. Bila tiba ke kampung dia dikerumuni oleh sahabat-sahabatnya, mereka memujuk supaya kembali ke pangkuan lama. Dalam keengganan yang begitu beberapa kali, dia sudah dapat dibawa semula tetapi bukan begitu kuat. Akhirnya, ringkaskan cerita tidak berapa lama kemudian dia meninggal kembali kerahmatullah di dalam sebuah bilik air.

Saya tidak tahu apa kes yang dibuat—selidikan yang dibuat terhadap kejadian yang begini dahsyat. Tetapi bagi orang-orang luar, orang-orang yang berfikiran waras mengatakan ini adalah satu kes jenayah. Sebab boleh kita timbang sedemikian bila mana sicut ini tadi telah balik ke pangkuan maka dia dapat dipermainkan atau dipesonakan oleh orang pengedar dadah. Pengedar dadah sudah rasa bimbang kerana amalannya harus diketahui bilamana ia dapat dikesan oleh pihak-pihak yang lain terhadap usaha-usaha menjual dan mengedar, mungkin orang ini diberi dengan satu suntikan sendiri dengan menggunakan alat-alat debu lampu panjang, kerosene akhirnya dia mati dengan keadaan yang begitu sedih. Inilah amalan dadah dan saya tidak tahu apakah tindakan dapat dicegah dadah dan tindakan pihak yang berkenaan tertentu dalam kes ini.

Saya berbalik kepada kesah dadah juga. Baharu-baharu ini dapat saya melihat satu usaha yang dibuat sama ada oleh sebuah

syarikat barangkali Mobil agaknya untuk hendak menolong memulihkan kesah dadah ini. Lalu dibuat satu poster yang besar dan diedar harus ke seluruh negara. Poster itu berbunyi begini:

“Hidup beragama selamat.
Awasi jerat dadah.”

Di sebelahnya digambarkan dengan satu gambaran yang merupakan bentuk kecubung masjid dengan bulan sabit di sekelilingnya, di tengah-tengahnya atau di antara kecubung itu untuk orang-orang Islam agak saya itulah; untuk orang-orang China dalam itu juga dibuat bentuk rumah tokong, dan untuk orang-orang India dibuat satu rupa “kavadinya” bercampur aduk di dalam poster itu. Soalan yang saya hendak kemukakan selain daripada dadah barangkali orang yang mengizinkan rupa bentuk gambar-gambar ini dia langsung tidak memikirkan masalah di mana yang dikatakan oleh Rasullullah: Al Islam mu yaklu wala yul akhir—Ugama Islam itu tinggi, tidak boleh dicampur aduk, tidak boleh digaul seperti mana dibuat bubur harisa dan sebagainya—tidak boleh.

Kepada saya bentuk ini amat serius dipandang lebih-lebih lagi bila tibanya berhampiran dengan pilihanraya, kelak akan digunakan oleh orang-orang yang suka menentang Kerajaan maka dia akan mengatakan bahawa Kerajaan sudah campur adukkan segenap jenis agama ke dalam agama Islam, begitulah kesah-kesahnya. Jadi, saya suka mengesyorkan mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya poster itu ditarik balik, kalau boleh dibakar-bakar, jangan tinggal dan kalau ada wang, diganti lain. Kalau tidak tak usah dicampur adukkan agama Islam betul tujuan asalnya baik tetapi sudah menjadi sebaliknya.

Sekarang saya pergi kepada B. 8. Bila kita bercakap kesah agama Islam, B. 8 dan B. 47 iaitulah kaitan-kaitan Jabatan Perdana Menteri sendiri dengan Jabatan Penerangan dan boleh juga kita kaitkan dengan B.24 yang merupakan Kementerian Wilayah Persekutuan di mana ada maksud-maksud yang tercatat di dalamnya berhubung dengan agama Islam.

Izinkan saya cuba hendak panjangkan sedikit kesah ini. Perhatian boleh kita

tumpukan ke Hari-hari Kebangsaan di mana penuh dengan segenap lapisan masyarakat dalam serba kehidupan keluar menyambut pertunjukan perarakan yang diadakan di Hari Kebangsaan itu, di serata peringkat terutamanya di peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur ini. Pihak Kerajaan juga telah memerintah segenap tenaganya dari segala lapisan perkhidmatan awam dan tentera berbaris dan berarak sebagai tanda kesetiaan dan keagungan di Hari Kebangsaan itu. Berpuluh ribu anak bangsa dari berbagai sekolah dengan beraneka pakaian dan fesyen berjalan dengan tertib dan megah melalui di hadapan pentas yang diduduki oleh anggota ketua dan pemimpin mereka membuktikan mereka juga turut beriang dan bersyukur di hari yang bersejarah itu. Tetapi apabila dilihat separuh pemimpin kurang begitu bermaya dan lebih merunsingkan saya ialah bila kita teliti pakaian-pakaian yang dipakai oleh para pemimpin di hari itu, seolah-olah bukan menyambut hari bersejarah—Hari Kebangsaan pakaian mereka bagi saya tidak bererti ala-Malaysia—ala-Kebangsaan Malaysia. Oleh kerana agak saya terlalu ringkas dan kerana hendak dipermudahkan pada harinya, pada saya hakikat itu sudah lari dari asalnya. Ini menyentuh hal ugama Islam dan kebangsaan.

Saya kata sudah tidak ada seni dan budaya lagi bagi saya. Sebab seni ini halus, budaya itu manis.

Berseluar dan berbaju jeket dengan topi cepiaunya memang hebat dipandang kacak dan lawa, bertambah lawa bila dipadankan kepada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri yang muka manis bila dikaji sudah tidak erti lagi kepada kebangsaan. Hari Kebangsaan hari yang menjadi kemegahan kepada bangsa terutama bumiputra, bangsa Melayu yang mula-mula berjuang merebut, menuntut kuasa dari tangan British—penjajah negara, untuk diserahkan kepada anak negeri ini.

Seluar dan baju jeket yang saya sebutkan di atas memang elok tetapi bukankah lebih manis dan elok kalau pakai kebangsaan Melayu untuk orang Melayu, saya sebut di sini untuk orang Melayu digunakan di hari dan temasya kebangsaan itu. Topi cepiau bukan seni budaya Melayu—bukan, budaya

bangsa pun bukan, budaya kita berunsurkan ugama Islam yang maha suci. Sesuatu yang ditudungkan di atas kepala sesuai dengan ugama di mana senang ia sujud sembah kepada Allah. Sujud kepada Allah sebab kopiah, songkok, tanjak dan tengkolok memang mudah ketika hendak meletakkan dahinya sujud kepada Yang Maha Berkuasa, tetapi cepiau adalah sukar hendak berbuat demikian.

Dari hari ini dan hari ke hadapan saya mengesyorkan hari perayaan, terutama yang merupakan kebangsaan wajib dan mustahak sekali bapa-bapa Menteri menukar bentuk dan gayanya, tektik dan stylenya kepada sesuatu supaya benar-benar mencerminkan ala-Islam, ala-Kebangsaan Malaysia. Dengan itu, bentuk itu juga yang beralah-Malaysia memperingati roh perjuangan bangsa ketika menuntut kemerdekaan dari penjajah lama.

Saya sambung sedikit, Perdana Menteri kita yang ada sekarang saya tahu bersama-sama dengan sahabat-sahabat lain, termasuklah saya bersama merantau ke kampung dan desa memanggil, menyeru rakyat keluar untuk menyambut Allahyarham Datuk Onn Jaafar datang ke Kedah bersama-sama dengan 2-3 orang Ahli Parlimen British, salah satu daripadanya ialah Captain Deman, saya masih ingat, untuk melihat kebangkitan bangsa umat Melayu menentang rancangan Malayan Union—pattern penjajahan British, bangsa Melayu hendak menuntut kemerdekaan. Allahyarham Datuk Onn dengan pakaian Melayu Johornya yang putih dan bersih dan megah bangun berucap di hadapan khalayak tak kurang dari 50,000 orang waktu itu di Alor Setar mengganyang betul-betul rancangan British hendak memalayan unionkan negara kita.

Saya tumpang bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau bukan dengan Datuk Onn, kalau bukan dengan Tunku Abdul Rahman, kalau bukan dengan PM dan kawan-kawannya saya bertanya di mana kita sekarang, di mana Dewan Rakyat sekarang, di mana Dewan Negara sekarang kalau bukan dengan sebab mereka, dengan keizinan Allah. Oleh itu saya cuba mendesak Jabatan Perdana Menteri (JPM), mungkin juga Kementerian Kebudayaan, saya tak mahu sebut Belia dan

Sukan lagi, sebut setakat dahulu, dan juga Kementerian Penerangan sebab macam saya ini tinggal jauh tak boleh tengok segala perayaan itu hanya melalui kuasa televisyen dan radio sahaja, maka kami orang-orang hulu ini tengoklah gambar-gambar itu menerusi televisyen. Jadi saya minta ketiga-tiga setidak-tidaknya Kementerian ini—Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kebudayaan dan Penerangan baliklah ke pangkal jalan, pergi ke usul asalnya menyambut Hari Kebangsaan, hari bersejarah bagi bangsa khususnya bangsa bumiputra yang berjuang berhabis-habisan di zaman silam.

Saya tidak mahu menyentuh bapa-bapa yang bukan berketurunan bumiputra tetapi apa salahnya dan apa kurangnya kalau mereka juga sama turut mengambil bahagian dalam mempertunjukkan kepada dunia bahawa ini adalah Malaysia ala-Malaysia, bahkan pernah kita lihat dalam TV beberapa misi-misi kita yang telah kita hantar keluar, misi permainan, pertandingan itu dan ini alangkah megah dan cantik lawannya kita melihat mereka dengan bersongkok dan beralah-Malaysia telahpun kita dapat lihat, mengapa di sini tidak boleh kita berbuat demikian rupa menggambarkan balik kisah-kisah yang lama.

Kita lihat bila mereka dipadankan dengan songkok dan pakaian beralah-Malaysia rasa megah, begitu juga cuba kita lihat Indonesia, cuba kita lihat India, cuba kita lihat China, cuba kita lihat lain-lain negara yang masih berpegang teguh dengan ala-kebangsaannya dan ugamanya sendiri tetapi mengapa kita tidak boleh berbuat sedemikian rupa? Jadi saya nampak seolah-olah kita negara Malaysia ini masih belum ada sesuatu yang dipanggil seni budaya yang hakiki, ini hanya diturut-turut, samalah seperti mana kedudukan ugama Islam masih hendak dikopak-kapek, belum dapat dipastikan.

Saya mahu supaya hal ini dipadan dan dimaktubkan di atas batu bersurat bahawa bangsa Malaysia begini, begini budayanya; begini, begini bentuknya; begini, begini ugamanya, tidak terlari daripada landasan yang sebenar. Walaupun tidak ada kepada Kementerian Kebudayaan—Menteri Kebudayaan, terus saya katakan harus saya ber-

pesan banyak perkara yang patut dipinda tukar dibuat cadangan supaya betul-betul mengembalikan semula unsur-unsur budaya pejuang bangsa dan negara. Janganlah terpengaruh dengan kebudayaan kuning, kebudayaan luar—timur dan barat, timur tengah dan lain-lain timur dan kita wajiblah mempunyai budaya yang tulin yang tidak dicampur adukkan kerana kelak kita akan tenggelam ditelan arus.

Balik saya kepada Kementerian Wilayah Persekutuan B. 24 yang meminta tambahan sebanyak lebih \$4 juta, memang kita akan beri, tetapi dalam ciri ini mungkin kita lihat sudut-sudut apa yang ada di dalam Kementerian ini termasuk pentadbiran Ugama Islam di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sama ada Kementerian ini sedar ataupun tidak seruan-seruan yang pernah dibuat supaya marilah kita lebih menghampiri diri kepada Allah, buat baiklah atau jauhilah diri dari amalan dosa, maksiat—larilah. Seruan-seruan ini satu dan dua sudah diterima atau tidak oleh masyarakat Islam di dalam Wilayah ini. Dua soalan seruan yang biasa didengar, marilah kita cuba berusaha menghampiri diri kepada Allah; larilah, kita tinggalkan amalan yang tidak diizinkan oleh Allah. Dua serampang ini telah diserukan berkali-kali, jadi pada pendapat saya yang sekali sekala melawat Kuala Lumpur nampaknya seruan yang pertama, mari menghampiri diri ke jalan kebaikan, ke jalan Allah yang sudah tinggi percentaganya diterima banyak, kenyataan dan bukti dapat kita lihat bilamana pergi ke masjid-masjid dan surau waktu hari Jumaat ramai manusia menunaikan fardu Jumaat dan fardu-fardu waktu. Namun begitu tidak kurang juga seruan yang kedua, tidak kurang juga mereka ketepikan, makna kata maksud saya diindah tidak indahkannya seruan-seruan itu, boleh dikatakan percentaganya sama banyak, hak mula diterima, hak yang kedua tidak mahu ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya baru-baru ini bila saya mendapat peluang dibawa melawat ke satu tempat dalam kota Kuala Lumpur untuk melihat ala perdagangan, bentuk-bentuk perdagangan di Changkat Pavilion. Kami tinggalkan kenderaan di satu

tempat kononnya dikuasai oleh Majlis Perbandaran, bila lalu di situ waktu itu jam matahari tengah memancar kuat, terang-benderang, ertikata jam lebih kurang 2.30 petang.

Alhamdulillah kota Kuala Lumpur banyak keindahannya, pokok-pokok yang indah dan rendang, banyaklah manusia berteduh di bawahnya, angin bertiup sepoi-sepoi bahasa membawa kita asyik dan leka, bila kami lalu sahaja di situ begini ceritanya, terdapat bermacam-macam anika ragam di bawah pohon rendang berteduh matahari dengan angin bertiup yang menyegarkan terbaringlah teruna dan dara berdua-duaan, yang separuh mata memandangi mata, separuh menggosok bahu teruna, separuh menggosok dada si dara dan banyak ceritanya lebih dahsyat dari itu lagi. Ayuh! inilah ala Malaysia dan ala ugama Islam! Rambut yang sudah berikal dipusing-pusingnya lagi, diputar-putar sebagai menarik selera melambung hayalan nun jauh di sana, kata mereka pedulikan siapa dia. Itu jam saya sebut tadi 2.30 petang bermakna matahari masih memancar, kalau amalan ini berterusan; di manakah maruahnya bangsa Malaysia, di manakah adanya Jabatan Ugama Islam, di manakah adanya undang-undang, tatasusila dan perpaduan negara. Adakah itu suatu kemegahan? Suatu yang diagung-agungkan oleh kesemua bangsa orang-orang Melayu, India dan Cina. Kalau orang Melayu tidak kacau orang Cina dan India, orang-orang India tidak peduli itu kau punya dara dan ini aku punya cinta, dia kata, habis rosaklah nama negara, nama bangsa khusus bagi bumiputra yang beragama Islam. Hanya saya minta janganlah perkara yang berlaku di Johor, seorang yang bertanggungjawab mengatakan saya tidak hendak kota maksiat ini datang lagi ke sini, saya takut dia lari dari Johor mari ke Kuala Lumpur menjadi sarang maksiat semula.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Kementerian Penerangan mempunyai tugas bukan sahaja menyiar berita-berita, bukan sahaja menyiarkan rupa-rupa, bukan sahaja mengadakan kursus sivik dan tata dan banyak lagi. Tetapi kalau hanya tata mempunyai tata sahaja kursus hanya merupakan kursus sahaja

akan hancurlah bangsa kita. Oleh itu kursus sivik, tata itu dan ini diadakan berbagai-bagai tetapi masyarakat tidak dipelajarankan. Apakah itu ertinya tata? Apakah itu ertinya susila dan sebagainya yang ini menjadi kewajipan Kementerian Penerangan untuk menerangkan sedalam-dalam kepada masyarakat, bukan sekadar hanya menceritakan ini dasar luar negeri, ini dasar dalam negeri, ini dasar itu dan dasar ini, tetapi tatasusila yang dimaksudkan ini sebenarnya hendaklah dipelajarankan kepada rakyat jelata yang ada dalam negara ini. Sebaliknya pegawai yang mentata, pegawai yang mengkursuskan itu hendaklah diorientasikan, hendak diindoktrinasikan, dipasakkan amalan-amalan tatasusila yang membawa erti kepada rakyat Malaysia, yang membawa erti kepada nama-nama negara mereka juga harus menerima kursus-kursus itu, bukan mereka yang mengkursuskan orang, mereka juga patut menerima amalan kursus itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit sahaja B. 17—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ramai orang sudah menyebut perkara rumah-rumah murah itu dan ini. Ya, saya rasa di Kedah pun banyak, tetapi yang menjadi persoalan kepada kita di hari ini dibuat rumah murah kerana hendak diberi kepada orang-orang yang tidak terdaya membayar kononnya, sebaliknya tidak begitu sangat dikaji dan masalah kemasyarakatan yang harus menerima, yang harus mendapat rumah itu kerana syarat yang boleh diberikan rumah hanya orang yang mempunyai anak sekadar dua atau lebih—tiga, berpendapatan kurang \$500, okay—boleh. Mungkin pendapatan satu hari biasa naik, tidak apa juga, tetapi apa hal pula mungkin dia mempunyai anak dua takkan hendak jadi dua selalu, diapun pandai juga menambah anak. Kalau sudah pandai mencari duit, anak juga memang akan bertambah. Bila sudah anak tambah dua, tambah tiga, tambah empat, problem kemasyarakatan sudah timbul. Kalau anak itu berumur 6-7 tahun boleh, okay, tetapi bila sampai belasan tahun bolehkah dia kumpul sekali tidur dalam dua bilik ataupun satu bilik?

Inilah yang saya akan kemukakan pandangan, bukan sekadar rumah kos

rendah, tetapi rumah kos tinggi sedikit pun tidak apa asalkan bilik dua jadi tiga ataupun empat; walaupun sedikit tidak apa asalkan kita menjaga masalah kemasyarakatan, masalah keahlian yang harus timbul di kemudian hari. Kalau dia tidak dapat, anak tiri pun tidak apa seperti kita dengar cerita yang heboh hari ini, anak tiri dijadikan isteri iaitu di tengah malam waktu orang semua tidur lena. Adakah ini berpunca dari itu?—Wallahualam.

Bagi saya harus memikir masalah kemudahan yang boleh kita beri. Pembayaran yang agak tinggi sedikit jangan disusahkan perkara itu, jangan dikhuatirkan. Hari ini rasa saya \$50-\$60 bisa dibayar. Orang yang meminta tidak memikir masalah anaknya akan bertambah, dia memikir \$30 boleh atau tidak boleh bayar, \$45 boleh atau tidak boleh bayar; itu sahaja. Kadar yang hendak diberi pun begitu juga, anak dua boleh diberi, anak tiga boleh juga, empat tidak boleh padahal orang itu akan bertambah anak kerana sama-sama sihat, sama-sama tubuh segar, sama-sama rajin kerja. Ini dia soalnya. Soalnya hendaklah difikirkan masalah kemasyarakatan yang harus timbul 4-5-6 tahun yang akan datang selepas mereka tinggal di dalam rumah itu. Jadi yang sudah lepas—lepaslah, tetapi susunan yang akan datang hal rumah ini hendaklah difikir semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit sahaja mengenai Kementerian ini. Kementerian ini ialah penggalak Kerajaan-Kerajaan Negeri, setiap tempat, setiap rancangan kita akan hantar wang, kosnya jangan khuatir. Saya dapat tahu di Kedah, entah berapa million, agak ratus juga untuk melaksanakan satu projek di Bergong, hendak diselesaikan masalah slum area, orang-orang yang tinggal dalam Majlis Bandaran tetapi membina rumah-rumah haram dan juga rumah-rumah yang tidak ketentuan hala. Setelah dibuat kajian dan diperhatikan ternyata bahawa inilah salah satu sebab-sebabnya maka bandar-bandar tidak boleh dicantik dan diindahakan; langsung diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri. Menurut kenyataan telah diperkenan dan disetujui oleh pihak yang berkuasa di sini supaya bertindak sedemikian rupa. Telahpun

dibuat kenyataan-kenyataan dengan bertulis dihantar ke sini, malangnya sehingga hari ini sudah beberapa bulan, tidak ada satu kenyataan pun dapat diterima oleh pihak yang berkenaan. Pohonlah dengan jasa dan budi baik wakil Kementerian yang ada ini, tolong selidik semula kesah-kesah yang berkaitan dengan Bergong, perpindahan orang-orang dari slum area supaya dapat diberi jawapan, setidak-tidaknya diambil tindakan seberapa segera yang boleh.

Berikutan dengan itu mungkin saya ingin mengemukakan satu cadangan supaya kalau boleh, semalam pun ada dibuat cadangan untuk mengadakan taman-taman perumahan diberi nama-nama yang tertentu, nama-nama yang menarik nama-nama yang boleh ditimbang sebagai ala Malaysia.

Saya juga menyokong cadangan itu supaya dapat diadakan satu Jawatankuasa, di mana juga taman yang akan didirikan, bukan sahaja sekadar mendirikan rumah dan projek-projek perumahan tetapi nama-nama yang harus diberi atas sesuatu projek Kerajaan yang berkaitan dengan masalah, umpamanya projek Kerajaan yang kita tahu UDA, DARA, SIRIM—semua ini ikut kehendak Kementerian itu sahaja, ikut sedap dia beri nama. Kalau DARA pun DARA lah, UDA pun UDA lah, TERUNA pun TERUNA lah dan entah apa-apa nama lagi pun tidak tahu. Jadi kesemuanya ini tidak melambangkan ala Malaysia padahal kita hendak mengagungkan kebudayaan kebangsaan, didikan dan sebagainya hendaklah beralah Malaysia supaya jangan ditanya dan disoal oleh anak-anak cucu kita di kemudian hari: “Ini apakah yang diberi nama DARA, nenek?” “Apakah ini yang diberi nama KADA, KETENGAH dan sebagainya, datuk”. Kesemuanya ini kalau boleh diletakkan di bawah sebuah Jawatankuasa, bukan sahaja sekadar mengkaji nama-nama projek yang akan tertentu kepada perumahan tetapi kesemua projek. Untuk mengendalikan hal ini eloklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa tertentu supaya dapatlah menimbulkan balik sepertimana yang saya sebut syiar-syiar Islam, syiar-syiar ala Malaysia yang tidak lagi diragu-ragukan oleh anak-anak kita di kemudian hari nanti.

Saya beralih kepada Kepala B. 60—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Sebenarnya sudah banyak sahabat-sahabat saya bercakap kisah ini dan saya tidaklah harus menyentuh. Namun begitu saya ucapkan terima kasih terutama sekali kepada Kementerian dan juga anggota-anggota Pos. Hanya saya hendak menyuarakan seolah-olah minta tolong kerana kerap kali surat-surat yang dihantar oleh Jabatan dan pihak Sekretariat di Kedah kepada saya sendiri, bukan jauh sangat; jaraknya kira-kira 6 kilometer sahaja tetapi surat itu memakan masa 3 hari baru sampai ke rumah. Sekali saya terkena di Dewan ini iaitu pada masa permulaan dilantik menjadi Ahli Dewan Negara, saya diminta datang pada 26 haribulan, kebetulan waktu itu saya berada di Kuala Lumpur, jumpa dengan sahabat Setiausaha dan dia mengajak saya datang sedangkan saya tidak tahu telah dilantik. Sayapun mengangkat sumpah tanpa mempunyai satu kenyataan. Saya balik 2 hari kemudian baru dapat surat mengatakan saya dilantik menjadi Senator. Masih ada dalam rekod tetapi itu cerita lama; berbalik kepada cerita baru, itulah beberapa kali bila saya mendapat berita ini, misalnya surat-surat yang dihantar oleh pejabat-pejabat; “Dijemput Haji Hamid datang bersama-sama kerana Menteri datang”—Menteri telah balik, surat baru sampai! Jadi mintalah kerjasama, tolong sedikit, sebab perkara ini telah banyak dipersoal dan diperkatakan oleh Ahli-ahli Dewan, bukan Dewan yang mulia ini sahaja boleh dikatakan Dewan yang besar di sanapun telah diperkatakan soal-soal kelewatan dan kelambatan. Entah di mana sebab musababnya wallahualam.

Mungkin juga segala kakitangan mengikut arahan Allahyarham Tun Razak dahulu bila saya bekerja di bawah eranya satu minggu sekali semua pegawai-pegawai dipanggil briefing, orang yang menjadi kepala, dia yang membriefingkan—ini, ini, ini tugas kita. Kalau boleh cuba hidupkan sedikit arahan itu supaya setiap anggota yang ada bukan sahaja perkhidmatan pos atau telekom tetapi keseluruhannya dapat dihidupkan semangat bekerja, rajin bekerja, menunaikan kewajipan, bukan sahaja manusia dapat melihat, tetapi Allah pun bersama, kerana Allah, dengan izin, “Wa-kuli” malu-

fasayarallahu amalakum wa-Rasuluhu wal-mukminun: Katakanlah olehmu ya Muhammad, Allah berfirman untuk Muhammad supaya berkata kepada umatnya, sahabat-sahabatnya, "Wa-kuli'malu" buat kerja, kerja, kerja, "fasayarallahu amalakum" Tuhan akan tengok perbuatan mu, "wal-mukminun" akan melihat perbuatan mu, semua orang akan melihat perbuatan mu, jangan bimbang dan khuatir, kerana itu akan mendapat ganjaran yang baik di sisi Allah, di sisi pemerintah dan masyarakat.

Menyentuh hal Kementerian Pertanian B. 26, saya tidak mahu kait banyak, sebab sudah banyak diperkatakan negeri Kedah, negeri pertanian atau jelapang padi Malaysia—the rice bowl of Malaysia. Sedap namanya, hampir 65% kononnya beras yang dikeluarkan untuk makanan staple food bagi orang-orang Malaysia ini adalah datang dari Kedah walaupun ada di Kelantan, walaupun ada di Perak, walaupun ada di Seberang Perai tetapi tidak ada nama dalam beras selain daripada beras Kedah. Carilah di seluruh negara Malaysia tiada orang sebut selain daripada beras Kedah.

Malangnya Kedah yang mengeluarkan makanan untuk rakyatnya bertambah miskin di hari ini, negerinya bertambah miskin. Banyaklah sudah usaha-usaha Kementerian Pertanian ke arah menambahkan hasil tumbuhan daripada Kedah tetapi tidak apalah itu mendapat kepada rakyat. Hanya yang saya hendak bawa di sini Kedah juga dapat keluar buah-buahan, Kedah juga dapat keluar tumbuh-tumbuhan yang baik, buah-buahan pun ada juga datang dari negeri Kedah sendiri, ada juga buah-buahan yang datang melalui Kedah sahaja, buah yang sangat diidam-idamkan oleh kita semua—tidak lain itu ialah buah anggur. Hari ini Perdana Menteri kita sudah pergi melawat tempat tanaman, disebutkan ini baik tetapi mengapa Kementerian Pertanian tidak mahu usaha sedikit ke arah mengeluarkan benih-benih daripada buah-buahan ini, bukan sahaja anggur bahkan limau yang manis sungguh, seperti mana manis orang-orang di sana begitulah manis buahnya, manis sungguh. Jikalau usaha ini boleh dilipat gandakan lagi segala benih itu dapat dibawa bukan sahaja boleh ditanam dalam Kedah

tetapi harus negeri-negeri yang sebelah selatan, Johor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan lain-lain boleh sama ditanam untuk mengeluarkan buah-buahan ini.

Lagi satu B. 26 juga bila saya lihat, kaji-kaji dan cerita kelas dewasa, Kemajuan Masyarakat. Hari ini Kemajuan Masyarakat duduk di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dahulu duduk di bawah Kementerian Pertanian.

Dewasa ini sebenarnya bagus, dahulu semasa saya bekerja Dewasa orang panggil 2 Sa. Tidak ramai orang belajar, kadang-kadang dua orang pelajar, seorang guru, jadi dia panggil dalam istilah di negeri Trengganu dan Kelantan 2 Sa, dua orang pelajar dan satu orang guru: Dua Sa. Kini bertambah baik, ada dengan rancangan TBK—Taman Bimbingan Kanak-kanak, RDU—Rancangan Desa Usaha, KKK—Kelas Latihan Kerja, banyak lagi agak saya. Tetapi saya mintalah selain daripada rancangan ini kerana rancangan ini dan tujuannya memang baik, hendak melatih orang-orang mengerti supaya mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri, supaya berperasaan civic consciousness, perasaan bersivik, mahu membantu, mahu menolong, mahu berasa bertanggungjawab kepada negara dan sebagainya. Rasa saya mungkin ada lagi yang lain daripada TBK, RDU itu dan ini boleh dimasukkan untuk menyedari hakikat pendirian rakyat kepada arah-arah yang tertentu. Malang kalau di segi politik tidak banyak memberi keuntungan. Kerana RDU, KKK dan TBK ini adalah indirect bukan terus menerus pergi kepada politik—tidak macam dahulu. Dahulu walaupun orang bermain-mainkan kita kelas dewasa tetapi kelas itu betul-betul tepat menuju kepada politik. Politik yang baik yang boleh memberi keuntungan kepada rakyat balik, bukan politik yang boleh memecah belahkan—tidak, politik yang boleh menguntungkan rakyat iaitu politik menuju kepada sokongan kepada Kerajaan yang memerintah. Sekarang saya katakan indirect secara tidak langsung kerana pelajar-pelajarnya terdiri daripada mereka yang umurnya di bawah 18 tahun pun ada, 16 tahun pun ada, separuh yang bersekolah masukpun ada, yang masuk sekolah petang pergi kepada KKK, PDK dan sebagainya pun ada.

Dari segi politik, saya kata tidak untung melainkan yang boleh menguntungkan hendaklah mereka menggunakan satu usaha menarik orang yang berumur 21 tahun orang ini layak mengundi untuk menolong Kerajaan dan orang ini boleh memberi pertolongan yang besar kalau dapat kita kawal dan bimbing mereka ke arah maksud-maksud politik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya cuba menyentuh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Kita masih ingat baru-baru ini suatu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila mana beliau melawat satu pertunjukan di sana beliau menyatakan secara ringkas: beliau akan mengalihkan pandangan ke hala timur—Korea dan Jepun, di mana beliau dapati bahawa orang-orang di sana lebih agresif dalam segi bekerja, lebih bertungkus-lumus, lebih bertenaga dan lebih berekonomi dalam segi mengeluarkan tenaga-tenaga kerja.

Contoh yang dibuat oleh beliau seseorang yang bekerja di dalam industri di Jepun dapat mengeluarkan kira-kira 14 buah motokar dalam setahun untuk seorang, dibawa banding ke Indonesia, Indonesia dapat mengeluarkan kira-kira dua motokar dalam setahun untuk seorang pekerja; banding dengan Malaysia hanya 1½ pun tidak berapa sampai sebuah kenderaan dalam setahun untuk seorang pekerja. Maka ini membuktikan kita harus melipatgandakan usaha-usaha kita supaya dapat membanyakkan bilangan tenaga pekerja yang mahir dan itulah puncanya saya tujukan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Kementerian ini bukan sekadar hendak membanci berapa banyak orang yang belum boleh bekerja, berapa banyak orang yang sudah masuk bekerja, barangkali kita sudah ketahui ada beberapa pusat-pusat yang telah ditubuhkan di merata-rata tempat untuk melatih mereka yang lulus sekadar rendah kelulusan MCE dan sebagainya menjadikan tenaga pekerja mahir.

Oleh yang demikian, kalau nampak perlu dan mustahak sepertimana yang disarankan oleh Perdana Menteri eloklah Kementerian ini berusaha menambahkan bilangan pusat-pusat latihan yang ada di dalam negara satu,

dua, tiga dan empat tempat ini dilebihkan bilangannya lagi supaya dengan demikian bilangan tenaga mahir ataupun separuh mahir boleh mencukupi kehendak-kehendak negara, boleh mencukupi kehendak-kehendak sepertimana yang dicontohkan oleh Perdana Menteri kita iaitu bilangan 14 buah motokar dalam setahun boleh dikeluarkan oleh seorang pekerja di Jepun berbanding dengan kita hanya 1½ buah sahaja. Padahal manusia serupa, makan serupa, itu serupa, ini serupa, tetapi mengapa?

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, banyak surat diberi suruh bercakap tetapi saya rasa memakan masa yang agak panjang, saya tidak mahulah. Hanya saya pergi sedikit tentang menjaga kewangan.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini yang akhir, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Akhir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dua kali akhir.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Ya, dua kali akhir itu bagus, jangan masuk tiga. Saya teringat satu pesanan yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan waktu mana beliau pergi ke suatu tempat disambut secara besar-besaran dengan bunga manggar, kompong dan sebagainya. Saranan ini boleh diambil perhatian, bukan sahaja beliau hadapkan kepada pegawai-pegawai yang di bawahnya tetapi patut juga diambil perhatian oleh segenap lapisan Kementerian iaitu masalah menyambut Menteri-menteri dari segi pembaziran wang dan pembaziran masa. Baginya tidak perlu, sekadar kita mahu tunjukkan apa yang kita buat. Jadi ini satu saranan yang paling elok supaya kita sama-sama memelihara bahawa masa sekarang adalah masa bekerja. Kita memang sanjung tinggi ke semua Menteri, bapa menteri, emak menteri juga kita sanjung tinggi tetapi tidak harus kita lupai daratan kerana di waktu ini kita sudah jelas kelihatan rakyat kita baru mula membangun, bergerak hendak mengukuhkan ekonomi sudah ditunda dengan fikiran dan amalan membazir. Dato' Mokhtar juga meminta amalan, "biar lebih, jangan kurang" itu yang menjadi adat turun

temurun dari selama ini hendaklah dikikis dan dibuang sama sekali, biarlah kita kurang tidak apa jangan tunjuk lebih.

Jadi, akhirnya saya minta maaf, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun.

5.06 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin memberi sedikit teguran iaitu menyentuh P. 47 Kementerian Penerangan di bawah tajuk Penyiaran.

Saya merasa hairan mengapa siaran "Hari Ini Dalam Sejarah" sampai tiga kali satu malam disiarkan iaitu pada jam 7.10 minit, 9.08 minit dan 10.11 minit. Sudahlah begitu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditunjukkan itu ialah yang berlaku di dalam tahun 1974, 1975 dan seterusnya. Seolah-olah RTM tidak ada bermodal. Saya meminta Kementerian berkenaan supaya melanjutkan masa dalam rancangan "Bimbingan Ugama" lagi baik pada masa ini rancangan "Bimbingan Ugama" sangat singkat dan pada pendapat saya ugama lagi penting dari "Hari Ini Dalam Sejarah" dan rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah" bolehlah disiarkan sekali dalam satu malam, tidak tiga kali. Saya harap Kementerian berkenaan dapat memberi pertimbangan di atas apa yang saya katakan tadi.

Saya pergi kepada B. 26 iaitu Kementerian Pertanian yang mana peruntukannya sebanyak \$48,379,500 bagi tahun 1981 ini. Saya dapati sudah beberapa tahun Kementerian ini tidak berjalan begitu rancak seperti yang telah sudah-sudah. Semasa rancangan "Buku Hijau" pada masa itu saya dapati rakyat bersungguh-sungguh mengerjakan kebun di atas tanah-tanah mereka, tetapi pada hari ini tanah-tanah itu tinggal begitu sahaja penuh dengan hutan rimba.

Apa yang bertambah ialah pegawai-pegawai itu dan ini tetapi rancangan pertanian tidak banyak mendatangkan hasil kepada rakyat dan juga Kerajaan. Oleh

sebab perkara seumpama ini kita tahu pada hari ini baja-baja telah dibahagikan kepada petani-petani tetapi malangnya baja-baja itu dijual tidak dibagikan kepada pokok-pokok. Ini rasa saya disebabkan tidak ada siapa yang mengawasi berkenaan dengan hal baja-baja. Jika pegawai-pegawai yang berkenaan mengambil berat, saya rasa perkara seumpama ini tidak berlaku dan kita tahu sekiranya pokok itu tidak berbaja macam mana keadaannya, memang ada bezanya. Saya rasa ada baiknya jika pegawai-pegawai yang bertugas di satu-satu tempat berusaha mengajak petani-petani itu bergotong-royong untuk membajakkan pokok-pokoknya.

Pada hari ini kita dapati banyak jentera-jentera tinggal berkarat dan tak dapat digunakan dan ada juga yang rosak. Ada baiknya jika kita balikkan semula kepada Rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan pada tahun tujuh puluhan, supaya sedikit sebanyak dapat kita atasi inflasi yang ada pada hari ini. Di samping kita menggalakkan rakyat bercucuk tanam, Kerajaan juga hendaklah berusaha untuk mencari pasaran. Kita tak mahu berlaku semula apa yang telah terjadi pada satu masa dahulu oleh sebab banyaknya buah tembikai hingga buah itu menjadi buah bola.

Pada hari ini kita tahu di hotel-hotel harga segelas air tembikai bernilai \$2.00. Jadi rasa saya perkara seumpama ini ataupun buah-buahan yang terbuang itu dapat diatasi jika usaha ada di antara Kerajaan dan rakyat.

Begitu juga buah-buahan yang lain pada hari ini kita dapati banyak buah-buahan yang datang dari luar negeri mencurah-curah ke negeri kita maka buah-buahan tempatan boleh dikatakan kadang kala terbuang. Saya rasa ada eloknya kita balik semula kempen seperti dahulu kala iaitu kempen menggunakan buah-buahan tempatan. Saya rasa buah-buahan itu terbiar sahaja bukan kerana apa, tak lain tak bukan ialah kerana harganya terlampau tinggi, jadi ada di antara rakyat tak mampu membelinya.

Berkenaan dengan sayur-sayuran begitu juga apabila rakyat berusaha bercucuk tanam secara besar-besaran maka sayur-sayur ini yang dibawa ke pasar tidak mendapat sambutan daripada penjual-penjual terutama

bahawa perlindungan diberi oleh Kerajaan sebanyak \$3.8 milion.

Saya setuju segala setinggan ini dipindahkan dan saya tahu banyak setinggan-setinggan ini dipindahkan. Salahkah mereka membuat rumah di tanah haram? Mereka berkhidmat di negeri ini, bekerja di negeri ini kerana hendak berlingdung daripada panas matahari dan daripada hujan, sejuk waktu malam. Ya, salah kamu membuat rumah daripada tanah haram, tanah Kerajaan! Boleh bangukan rumah pangsa, mereka duduk di sana. Satu kawasan ini buat rumah, lepas itu kawasan lain, kita mansuhkan. Bukan ertinya kita buldozkan rumahnya, tinggal anak-anak dan isterinya dengan keadaan yang sangat sayu dan ini dikerjakan oleh Bandaraya. Tuhan akan melaknatkan mereka itu nanti kerana mereka adalah satu manusia yang bertanggungjawab di dalam negeri ini walau kecil sekalipun usahanya, jasanya, khidmatnya ialah sebagai rakyatnya negeri ini. Di mana hati perut Bandaraya memusnahkan rumah orang sedang anak dipangku berumur 9 bulan, ke mana mereka pergi? Pegawai-pegawai kita ikut perintah, perintah dari siapa? Perintah dari atas! Jadi dosa ini akan bertambah, akan bertukar daripada kecil ke besar, kecualilah orang tidak menerima dosa ini sebahagian daripada laknat Allah di akhirat kelak—itu lain, tetapi sebagai seorang yang beragama, baik kaum Cina, kaum Melayu atau Islam, kaum India dan sebagainya yang mempunyai ugama mempercayai bahawasanya buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat.

Saya bersetuju dimusnahkan rumah ini, tetapi ganti rumahnya di mana boleh dapat pekerja baru bergaji \$200, umpama di Parlimen ini sendiri—pekerja Parlimen ini sendiri—Jaga Lip, Jaga Padang, Tukang Kebun yang tidak lebih daripada \$300 sebulan boleh memiliki rumah berharga \$20,000 di Kuala Lumpur? Parlimen sendiri tutup mata! Yang dia buat belanja di sini kita membeli kereta Yang di-Pertua. Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hot, saya tidak marah tetapi saya terpaksa mengeluarkan pendapat saya walau dalam ini ada disebutkan: "Maksud T.4—Yang di-Pertua Dewan Negara, Maksud T.5—Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tambahan

sebanyak \$728,648 adalah dikehendaki bagi membaiki kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai yang diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980."

Saya bersetuju Bil ini diluluskan, tetapi saya hendak bertanya, apakah yang Parlimen boleh buat kepada pekerja yang dalam Kumpulan IV(G) bagi mendapatkan rumah yang hidupnya berkhidmat kepada Bandaraya ini sebagai kakitangan Parlimen, tidak usah kita bawa jauh, setinggan yang beribu-ribu banyak berkhidmat dalam Jabatan Kerajaan, saya tanya di dalam Parlimen sahaja, apa Parlimen sudah buat? Ada pinjaman perumahan dikeluarkan? Cukupkah \$300 atau lebih untuk membeli sebuah rumah murah yang harganya lebih \$20,000 di sini. Bila disebut rumah murah harganya lebih \$20,000 tetapi di Kelang ada buat \$10,000 untuk sebuah flat atau rumah murah, mengapa pemaju-pemaju perumahan dan Kementerian Perumahan tidak ikut contoh ini? Sebuah syarikat yang berkongsi dengan PKNS membina rumah blok dengan harga yang sekadar \$10,000 sahaja. Mengapa Bandaraya tidak boleh buat begini? Tersergamlah Bangunan Bandaraya di Jalan Kuching dan Bil akan dikeluarkan tidak pakai lagi Dato Bandar. Tetapi Tuan Yang di-Pertua tahu, Ahli-ahli Parlimen yang menggunakan kereta tidak pakai badge Parlimen tidak laku, kecuali ada pas yang diberi oleh Bandaraya. Wah! badge Parlimen yang dipakai yang diakui oleh Jabatan Kerjaraya, tetapi disebaliknya Bandaraya tidak mahu akui, kecuali ada pas dan letakkan pada cermin. Mengapa double-standard ini? Mengapa? Jadi badge Parlimen itu maknanya tidak kena tol, tidak percaya lagi, dicari satu lagi pas minta kepada Bandaraya.

Saya tidak mahu minta, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya bayar, saya lebih menghargai badge Parlimen, itu lebih berharga, lebih tinggi nilainya daripada badge Bandaraya. Kita harapkan Bandaraya dapat menyelesaikan masalah tetapi kepada Ahli Parlimen sendiri Bandaraya menghinakan seperti Parlimen ini juga sekarang memberi elaun pemandu sebanyak \$250 sebulan, tetapi tidak dibenarkan Ahli

Parlimen menuntut bantuan elaun \$30 seperti yang tercatat di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/80. Apa ini? Mileage boleh dituntut mengikut 8/80 tetapi elaun \$30 sehari tidak boleh dituntut kerana sudah diberi \$250. Sekarang ini \$400 untuk seorang driver, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Ahli Parlimen kebanyakannya berhujan-hujan datang ke sini tanpa driver, \$450.00 untuk seorang pemandu, tetapi kita eligible, ada tentangnya kita halal dan ada pula tentangnya kita haram, itu yang Parlimen buat pada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah Menteri dengar dan saya appeal kepada Menteri, kalau hendak ikut Perintah Perbendaharaan 8/80 itu ikut betul-betul semua sekali, mileage \$30 sehari drivernya sekian, pinjaman membeli motokar telah naik dan kita mendapat pinjaman membeli kereta \$20,000—boleh tahan, dapatlah membeli kereta Jepun, Mazdakah atau tinggi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah masalah Bandaraya yang saya mohon dapat pertimbangan dan kalau boleh hapuskan badge itu, pada hal barang siapa yang keretanya ada badge Parlimen letak kereta di mana-mana kawasan dalam Bandaraya ia dipercumakan. Ini Bandaraya pula mesti ada satu pengakuan, sedangkan lain-lain Jabatan tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada Maksud B. 27, Butiran 4100 (8) Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. Rang Undang-undang ini baru sangat kita luluskan di Dewan ini, saya sendiri tidak ingat, tetapi agak saya boleh jadi dalam akhir tahun 1979 atau awal tahun 1980 iaitu kita mengesahkan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, tidak sampai lagi umurnya setahun. Jadi, sekarang ini Kerajaan akan memberikan peruntukan tambahan sebanyak \$2,773,940 adalah dikehendaki, dari jumlah ini sebanyak \$1,739,700 diperlukan untuk membiayai perbelanjaan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia seperti untuk bayaran gaji, elaun, sewaan, pengangkutan dan pembelian kelengkapan pejabat. Buat permulaan ini dikehendaki sebanyak hampir-hampir \$1.8 juta kerana

penubuhan syarikat dan sekarang ini aktiviti badan ini tidak begitu ternampak lagi walaupun ia dipengerusikan oleh seorang bekas Menteri yang kita tahu syarat-syarat itu dalam Rang Undang-undang yang telah diluluskan adalah mengasingkan tuannya panggung, pengeluaran atau tempat filem.

Dari apa yang kita fahamkan, perundingan yang dibuat atau penekanan yang dibuat oleh Perbadanan ini kepada tuannya panggung masih belum berjaya. Dua gergasi yang besar di negara kita ini yang menguasai panggung-panggung yang saya tidak perlu sebutkan dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat faham masih menguasai bidang panggungan dan hanya ada satu galakan iaitu kemunculan beberapa syarikat bumiputra kerana membuat filem di negara kita dan kita tidak nampak dan dengar lagi satu badan pengedaran yang diusahakan untuk ditaja atau dimulakan oleh Perbadanan Nasional ini, hanya yang kita dengar hendak membuat panggung di serata negara kita. Itu baru cadangan \$1.8 juta dikehendaki dalam tahun 1980 kerana penyelenggaraan ini dengan tugas yang diterima tidak berpadanan. Saya sebagai seorang rakyat biasa juga mengikuti perkembangan perfileman negara ini dan apa yang dibuat sekarang ini kita rasa musykil dan kita harap tidak lama lagi satu penyata dikeluarkan tentang kemajuan yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini dan sejauh mana dia boleh menolong syarikat bumiputra dalam masalah perfileman.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa syukur di atas jawapan Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang saya minta bahawasanya ditimbangan supaya pekebun-pekebun kecil juga diberi kupon bagi membantu mereka itu dalam masa kemelesetan harga getah, sebagaimana yang dilakukan pada masa sebelum perang dahulu iaitu semasa kemelesetannya yang timbul dalam tahun 1933. Kerajaan pada masa itu menolong tuannya-tuannya tanah getah dengan cara pemberian kupon. Dengan yang demikian dapatlah sedikit bantuan daripada Kerajaan melalui subsidi ini dan saya yakin kalau sekiranya \$108,300,000 adalah bagi membiayai skim subsidi harga padi melalui pemberian kupon yang mana kadar

negeri Pahang seramai 500,000 lebih hampir 600,000 manusia di negeri Pahang, mengumumkan bahawa satu pelabuhan mesti dibuka di Kemaman. Supply base mesti pergi ke Trengganu, perkara ini muktamat.

Tuan Yang di-Pertua, berapa punya hancur hati, bekas Perdana Menteri kita bercakap di Trengganu bahawa supply base tetap di Kuala Trengganu dan sekarang ini tumbuh pula pelabuhan yang bezanya lebih kurang 80-90 batu antara satu pelabuhan dengan satu pelabuhan yang memakan belanja beratus juta ringgit. Walaupun pada awalnya mengaku pelabuhan Kemaman ini ialah kerana kegunaan minyak, tetapi adakah akhirnya ikatan ini akan dipakai? Mustahil. Kalau dermaga kosong kapal lain tidak boleh masuk membawa dagangan asing.

Tuan Yang di-Pertua, lautan Pahang masih banyak gas asli, cecair gas di lautan Pahang sekarang ini. Mengapa usaha galinya tidak dilakukan bagi mendapat sedikit sebanyak kekayaan kewangan bagi negeri itu. Saya minta maaf bercakap dalam masalah ini membangkitkan perasaan yang sebenar. Mengapa minyak ada satu sahaja di Trengganu? Rakyat negeri Pahang curiga di atas kebenaran perkara ini, barangkali minyak ada juga di lautan Pahang, ada juga barangkali di lautan Kelantan, mengapa usaha carigali menyiasat perkara ini tidak dilaksanakan ataupun Kerajaan Persekutuan mahu keuntungan tidak berpecah hendak beri 5% kepada negeri Trengganu yang selebihnya diambil oleh Kerajaan Pusat. Gas asli, banyak di lautan Pahang mengapa usaha-usaha tidak dibuat sedangkan kayu-kayu yang ada di hutan Pahang sekarang ini sudah dicatu. Berapa banyak kilang papan yang tersadai tidak dapat peruntukan. Kayu-kayu tidak boleh dihantar ke luar negeri. Kayu-kayu mesti turun ke dalam hasil yang sepatut. Peniaga-peniaga kayu tidak menaikkan harganya hanya ia bergantung kepada kehidupan. Kalau sudah beras \$5 sehari, labour \$30 sehari semua masalah kehidupan sudah meningkat mesti hal ini difikirkan.

Saya masih menuntut kepada Kerajaan Persekutuan, kepada PETRONAS khasnya supaya ianya mengusahakan siasatan carigali di lautan Pahang dan di lautan Kelantan.

Saya tidak iri hati, Tuan Yang di-Pertua, kepada negeri Trengganu kerana negeri Trengganu juga sebahagian daripada negara kita akan tetapi urusan boleh membuat helah kerana ia terbenam di dalam bumi, di dalam laut. Apa salahnya dia sambung saluran, pergi ke kawasan Pahang, keluar minyak ke Kuala Trengganu pergi ke Kelantan, keluar minyak ke Trengganu. Trengganu yang keluar pada hal titik peluh dari tempat lain. "Lembu punya susu, sapi dapat nama". Kalau-kalau itu berlaku dan mungkin tidak berlaku agaknya, kerana Kerajaan kita ada keadilan. Tetapi tunjukkanlah keadilan itu supaya memberi puas kepada rakyat negeri Pahang, negeri Pahang bahawa negeri tuantuan tidak ada minyak, hanya negeri Trengganu sahaja!

Adakah bumi Allah ini hasil minyaknya jatuh di negeri Trengganu sahaja? Itu saya hendak soal. Tidak hairan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan Tuan Yang di-Pertua, memang di sebelah timur negara kita Sabah dan Sarawak; Sabah ada minyak, Sarawak ada minyak, Brunei ada minyak. Jadi, tidak ada perasaan curiga. Ini di pantai timur Semenanjung, Trengganu sahaja ada, lain tidak ada.

Tetapi sudah ada buat kajian, gas asli banyak di laut Pahang, kenapa tidak diusahakan bagi menampung Kerajaan Negeri. Sekarang ini kalau kita pergi ke Trengganu, macam anak dara muda negerinya. Tuan Haji Mahmoud Salim bercakap lebih bijak, lebih lama daripada kita yang ada sebab tenaga Trengganu ada padanya (*Ketawa*). Boleh bercakap sampai tiga jam, empat jam, fasal energynya lebih. Energy minyak Trengganu ada pada dirinya bahawa sebahagian daripada negerinya mengkayakan Kerajaan Persekutuan walaupun dia menerima 5% sahaja. Gross profitkah, net profitkah itu kita kira belakang sahaja. Yang 95% ini tidak kiralah, beri kepada pengusaha begitu begini Kerajaan kita pun dapat sama dan daripada inilah diberi sedikit-sedikit.

Tetapi apa yang kita minta, Tuan Yang di-Pertua, ialah di Pahang supaya PETRONAS sekarang ini tolong menyiasat, PETRONAS mesti menyiasat juga Selat Melaka. Ini ada dikemukakan oleh wakil Melaka supaya

PETRONAS mencarigali atau menyiasat gali Selat Melaka. Begitu juga Perak, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi jawabnya go slowly, pergi perlahan-lahan supaya bekalan itu panjang; barangkali ini polisi kita buat. Jangan gali banyak sangat sekali gus nanti selepas 25 tahun habis bekalan. Ini 25 tahun yang sebenarnya kompeni minyak itu cakup, sebab dia takut lain kali kita tidak beri kepada dia lagi. Macam Brunei dikatakan 25 tahun lagi Brunei tidak ada minyak lagi. Ini rezeki Allah yang dinikmati oleh makhluk, walaupun mengikut sains dan teknologi ini mengatakan begitu tetapi kekuasaan Tuhan mesti ada di atas. Tetapi walau macam manapun, saya syukur kepada Tuhan, negeri-negeri dalam Malaysia ini, Sabah dan Sarawak termasuk Trengganu sudahpun kaya dan kalau tidak mahu kaya itu kerana hendak lebih banyak lagi itu lainlah, tetapi kita syukur kepada Tuhan, hasilnya besar dengan sebab adanya minyak.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya PETRONAS menyiasat carigali di laut yang ada sekarang ini terutama di Pantai Timur dan kalau sekiranya benar-benar tidak ada minyak di Pantai Timur tetapi gas asli masih banyak, mengapa usaha-usaha ini tidak dijalankan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, tidak sampai hati saya hendak melanjutkan masa lebih banyak lagi, jadi saya memendekkan ucapan Menteri sahajalah daripada dia minta 20 minit kepada 15 minit kecuali kalau Dewan ini disambung. Akhirnya saya menyokong Bil ini diluluskan, Tuan Yang di-Pertua.

6.14 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981.

Beberapa pandangan telah dikemukakan yang meliputi berbagai-bagai Kementerian. Saya tidak bercadang untuk memberi ulasan yang menyeluruh akan tetapi saya akan kemukakan teguran-teguran yang telah

dibangkitkan untuk perhatian dan tindakan Kementerian yang berkenaan.

Saya ingin menyentuh mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim mengenai bank-bank yang tidak mengikut arahan Bank Negara berhubung dengan pinjaman perumahan.

Mengikut arahan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara, semua bank-bank dikehendaki memberikan pinjaman perumahan sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pinjaman masing-masing berdasarkan kepada kedudukan pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb Disember, 1980. Di samping itu pula bagi pinjaman perumahan yang kurang daripada \$100,000 maka kadar faedah yang perlu dikenakan tidak lebih daripada 10% setahun. Garis panduan ini perlu dipatuhi sehingga akhir tahun ini mengikut kajian yang telah dibuat oleh Bank Negara dalam bulan Jun 1981 sebanyak \$2,487.8 juta pinjaman perumahan telah diadakan oleh bank-bank atau 11.8% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan mengikut garis panduan.

Dari jumlah tersebut \$1,895.3 juta adalah pinjaman untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah dan bakinya adalah bagi pinjaman perumahan melebihi \$100,000. Pinjaman perumahan ini telah melibatkan sebanyak 90,046 buah rumah di mana 83,027 daripadanya adalah bagi rumah berharga kurang daripada \$100,000.

Bagi tahun 1981 pada keseluruhannya adalah dijangka bahawa jumlah ini akan meningkat sehingga sebanyak \$3,008.2 juta dan melibatkan sebanyak 103,550 unit rumah-rumah lebihkurang 74% daripada pinjaman perumahan yang belum dijelaskan atau \$2,227.2 juta pada akhir tahun 1981 adalah untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah dan bakinya sebanyak \$781 juta adalah bagi pinjaman melebihi \$100,000. Dari segi bilangan unit-unit pula, bank-bank dijangka akan memberi pinjaman untuk 94,574 unit rumah atau 91.3% daripada jumlah bilangan unit berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah menjelang akhir tahun 1981 dan

bakinya adalah bagi pinjaman melebihi \$100,000 seunit rumah. Ini jelas menunjukkan bank-bank pada keseluruhannya telah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara. Walau bagaimanapun Bank Negara akan terus mengawasi supaya bank-bank sentiasa memperuntukkan jumlah pinjaman yang secukupnya bagi pinjaman perumahan terutamanya untuk membiayai pembelian rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah. Jika terdapat mana-mana bank yang gagal untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan maka denda yang sewajarnya akan dikenakan sebagaimana yang akan ditetapkan oleh Bank Negara kelak.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim juga menyentuh mengenai masalah kekurangan daging di negara ini. Buat masa ini Kerajaan sedang menggalakkan perusahaan ternakan lembu kerbau di kalangan petani-petani melalui rancangan-rancangan subsidi dan perusahaan padang ragut melalui Jabatan Haiwan. Di samping itu MAJUTERNAK sedang menjalankan perusahaan ternakan ini secara besar-besaran di dalam menggerakkan perusahaan ke tingkat perdagangan.

Berkaitan dengan masalah pengangkutan yang dihadapi oleh LPN yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, masalah itu telahpun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam dan beliau telah mengarahkan LPN supaya menambahkan kemampuan pengangkutan kepada 75% daripada keperluan pengangkutan untuk padi yang dibeli oleh LPN di masa akan datang, musim hadapan.

Yang Berhormat Dato' Ismail bin Hassan telah menyentuh mengenai pegawai-pegawai dari Pejabat Pertanian yang jarang sekali melawat petani-petani di luar bandar. Keadaan ini adalah tidak benar. Ini adalah kerana Jabatan Pertanian sekarang telahpun menjalankan perkhidmatan perkembangan Sistem 2L dalam mana Pegawai-pegawai Pertanian yang berkenaan melawat tiap-tiap kumpulan petani sekurang-kurangnya sekali dalam dua minggu. Walau bagaimanapun sistem ini belum berjalan pada

keseluruhannya. Sayugia dinyatakan bahawa di bawah Sistem 2L Pegawai-pegawai Perkembangan adalah ditempatkan di kawasan-kawasan petani sendiri di mana mereka boleh berjumpa Pegawai-pegawai Perkembangan pada bila-bila masa. Kemungkinannya sistem ini belum dimulakan di kawasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Ismail bin Hassan.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan mengenai Pegawai-pegawai Pertanian yang kurang pengetahuan berkenaan dengan baja, perkara ini tidak dapat dinafikan mungkin berlaku. Ini adalah kerana faktor-faktor berikut: kurang pengalaman bagi pegawai yang baru berkhidmat; adanya terdapat banyaknya berbagai-bagai jenis baja di pasaran. Sungguhpun demikian maka pegawai-pegawai ini boleh merujuk kepada pakar bidang teknikal yang terdapat di negeri-negeri di mana sistem 2L telah dijalankan sepenuhnya maka pegawai-pegawai peringkat akar umbi ada diberi latihan yang kerap dalam semua aspek-aspek yang berkaitan.

Untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mahmoud sebenarnya tiap-tiap permohonan untuk menaikkan harga barang-barang kawalan telah diteliti dengan sedalam-dalamnya oleh Jawatankuasa Kajian Harga Semula di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kementerian Perdagangan tidak pernah meluluskan permohonan dari pengusaha-pengusaha menaikkan barang-barang itu kecuali terdapat bukti yang kos pengeluaran atau bahan-bahan mentah, kos tenaga telah naik di mana pihak pengusaha-pengusaha tidak dapat menyerapkan kenaikan kos itu.

Berkenaan dengan pengawasan oleh Bahagian Penguatkuasaan aktiviti ini akan bertambah berkesan pada masa hadapan memandangkan Kementerian ini telah menambahkan lebih ramai lagi merinyu-merinyu Penguatkuasaan.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain telah menyentuh mengenai penyelewengan permit teksi di Pulau Pinang. Dua permit telah dikeluarkan

kepada dua beradik yang tinggal di rumah yang sama. Yang Berhormat Senator tidak nyatakan dengan tepat nama pemohon, oleh itu adalah sukar untuk siasatan lanjut dibuat. Walau bagaimanapun jika kedua-dua pemohon tersebut walaupun adik beradik tetapi memenuhi syarat untuk memiliki permit maka tidaklah boleh dijadikan sebab adik beradik maka pemohon tidak boleh diberikan permit. Kriteria pertimbangan Lembaga ialah pemohon memiliki PSV teksi, telah memandu teksi untuk beberapa ketika dan bergantung hidup kepada pekerjaan memandu teksi.

Yang Berhormat Senator Basharon Hanapiah ada membangkitkan mengapa peruntukan yang besar hanya untuk

menguatkuasakan undang-undang perkapalan dagang. Saya ingin memberi tahu bahawa tambahan sebanyak \$700,000 adalah untuk membiayai perbelanjaan mendalihkan kerja-kerja menghapuskan bangkai kapal M. V. Madola yang tenggelam di perairan utara Pelabuhan Kelang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah menyambong ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 23hb Disember, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.